



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY




# RISTAAAN

1436H / 2015M

*"Pemangkin Generasi Berugama"*


حفل التخرج الـ ٥  
الجامعة الإسلامية السلطان شريف علي

HAFL AL-TAKHARRUJ KE-5  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI





**CANSELOR  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**





**PRO-CANSELOR  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**



# ISI KANDUNGAN

## DITERBITKAN OLEH

UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
Gadong BE 1310  
Negara Brunei Darussalam

## SIDANG PENGARANG

Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim

## SIDANG EDITOR

Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim  
Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia  
Haji Abd Rajid

## REKA BENTUK HIASAN KULIT & KHAT JAWI

Nur Atiqah binti Suimi  
Nurul Amalina binti Zulkifle  
Siti Nurhida binti Abdul Latip  
Muhammad Riziman bin Haji Usin

## JURUFOTO

Muhammad Norhadi bin Awang  
Ahmad  
Abdul Yamin bin Abd.Kadir  
Arif bin Abdullah

## Hakcipta Terpelihara @ 2015

Kandungan buku ‘Ristaan’ yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 8 AMANAT REKTOR

## 9-13 IMBASAN HAFL AL-TAKHARRUJ 2014

Hafli Al-Takharruj Kali Ke-4 UNISSA  
Mahrajan Hafli Al-Takharruj Kali Ke-4 UNISSA

## 14-20 SEMINAR

- 14 Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII)
- 16 Majlis Perasmian Penangguhan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII)
- 17 *Thematic Workshop On Islamic Financial Literacy*
- 18 Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha'irah Dan Maturidiyyah Dalam Pemantapan Aqidah Islamiyyah
- 19 Kuliah Umum
- 20 Seminar Antarabangsa Islam Di Alam Melayu Kali Ke V (ICON-IMAD V)

## 21 PELANCARAN

Pelancaran Jurnal Al-Shafi'i, Jurnal Al-Shafi'i (Edisi Khas)

## 22 LAWATAN KERJA KE LUAR NEGARA

## 26 JALIN HUBUNGAN STRATEGIK DENGAN KEDUTAAN LUAR NEGARA

## 27 PENGIKTIRAFAN

- 27 UNISSA Menganggotai AIUA
- 27 Keahlian UNISSA Dalam APUCEN
- 27 Keahlian UNISSA Dalam Rabitah Jami'at Islamiyyah

## 28 MAJLIS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNISSA DAN UNIVERSITI LUAR

## 30-32 CERAMAH

- 30 Nadwah Shafi'iyyah 2015
- 31 Ceramah Umum—Kefahaman Mazhab Shafi'i
- 32 Cerapan Gerhana Bulan Penuh

## PROGRAM ILMIAH

- 33 Bengkel Penyelidikan
- 33 *Workshop On ISI/SCOPUS Requirement For Article Writing*
- 34 Kolokium JEWARIS
- 35 Kolokium UNISSA-ISDEV

## 36 SUARA SISWAZAH

SiswaZah Antarabangsa  
Pelajar *Study Abroad Programme*





38

**PROGRAM BAHARU SESI 2015/2016**

39

**STATISTIK KEMASUKAN PELAJAR UNISSA 2015/2016**

40-49

**REHLAH ILMIAH**

- 40 Program Bahasa Arab Di Negara Oman
- 42 Penyertaan UNISSA Dalam Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN
- 42 Pertandingan Debat Bahasa Arab Di Qatar
- 43 Konferensi ALSA 2015 Di Kolombo, Sri Lanka
- 44 PROGRAM MAKMAL SOSIO-AKADEMIK ISDEV-UNISSA PERTAMA**
- 49 JALINAN PROGRAM ILMIAH DENGAN UNIVERSITI FATONI**

49-53

**KHIDMAT MASYARAKAT**

- 49 Program Hijrah Mahabbah Lillah
- 50 Walkathon Amal 2015
- 50 Karnival Amal 2015
- 51 Program Ziarah Mahabbah
- 52 PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN PENEMPATAN PELAJAR UNISSA DI PESANTREN-PESANTREN WILAYAH CIANJUR, JAWA BARAT, INDONESIA**
- 53 PROGRAM MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN AKAR-UMBI: KES KOMUNITI BAN NUA, SONGKHLA UTARA HAT YAI THAILAND**

54-55

**AKTIVITI ALUMNI**


- 54 Speaking Skills For Job Interviews
- 54 Program Muhasabah Diri
- 55 Pertandingan Pidato IPT Senegara Piala Rektor UNISSA
- 55 Bengkel Keusahawanan

56

**KAMPUS UNISSA**

58

**DALAM KENANGAN**



# AMANAT

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَالِي، ﴿ وَلَا تَمْسِي فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَنَّ تَخْرُقَ الْأَرْضَ وَلَنْ تَبْلُغَ الْجِبَالَ طُولًا ﴾ (الإِسْرَاءٌ ٣٧:١٧)،  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشَرَفَ الْأَنْبِيَاءَ وَسَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
وَمَنْ تَبِعُهُمْ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ، أَمَّا بَعْدُ:

Tahun 2015 merupakan kali ke-5 berlangsungnya Hafl al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali, bermakna untuk kali kesekiannya juga Buku Ristaan diungkayahkan dan seterusnya diterbitkan sempena dengan majlis bersejarah buat para graduan yang menerima ijazahnya masing-masing. Semoga segulung ijazah itu akan menyuntik semangat para lepasan UNISSA agar mengaplikasikan segala ilmu yang diperolehi untuk disumbangkan demi berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Sesungguhnya UNISSA menanai harapan negara yang sangat tinggi dalam menghasilkan produk yang memiliki keilmuan berkaitan dengan disiplin ilmu Islam, sesuai dengan nama yang terpahat padanya, yang secara langsung menjadi identiti UNISSA.

Oleh yang demikian itu, amanat saya kepada warga UNISSA daripada peringkat atasan dalam kalangan pentadbir, tenaga akademik dan para mahasiswa juga mahasiswinya sehingga membawa ke peringkat bawahan daripada kalangan pegawai dan kakitangan sokongan UNISSA, supaya sama-sama berganding bahu dan memperlihatkan komitmen yang tinggi untuk membangunkan UNISSA menjadi ‘Universiti Islam Tulen’.

Atas kapasitinya sebagai ‘Universiti Islam Tulen’ bermakna bukan setakat memiliki ilmu dalam semua aliran disiplin ilmu Islam tetapi dicerminkan melalui keperibadian yang luhur dan mampu menarik perhatian masyarakat untuk mencontohnya. Jika ini dapat direalisasikan, maka UNISSA mampu berdiri sebagai pemangkin ke arah merealisasikan gagasan ‘Negara Zikir’ yang sentiasa mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*.

Untuk itu, adalah diharapkan agar para ilmuan daripada kalangan tenaga akademik untuk terus berlitzam melengkapkan pada diri para pelajar UNISSA dengan bekalan ilmu duniaawi dan ukhrawi dalam melahirkan generasi berugama dan progresif yang memiliki ilmu pengetahuan yang seimbang, berwawasan lagi berakhhlak mulia sebagai sumbangan memenuhi wawasan 2035.

Saya berdoa semoga UNISSA dan semua warganya sentiasa bersatu hati dan berkerja keras untuk mananai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan UNISSA sebagai sebuah ‘Universiti Islam Tulen’ yang bukan sahaja mampu memenuhi keperluan dan pembangunan negara, malahan juga untuk kecemerlangan ummah sejagat.



## HAFL AL-TAKHARRUJ KE-4 UNISSA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4 UNISSA pada 8 Muharram 1436H bersamaan 1hb November 2014M.

Dalam Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4 UNISSA, baginda telah berkenan mengurniakan titah dan seterusnya mengurniakan ijazah kepada seramai 115 graduan UNISSA yang terdiri daripada 5 orang penerima Ijazah Doktor Falsafah, 24 orang penerima Ijazah Sarjana, 18 orang penerima Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie, 4 orang penerima Diploma Lepasan Ijazah, 58 orang penerima Ijazah Sarjana Muda dan 6 orang penerima Diploma Dirasah Islamiyyah.

Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4 UNISSA telah berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



*"Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam Tulen, UNISSA adalah turut memperbaiki kualiti. Oleh itu, ia perlulah memastikan, setiap program yang ditawarkan hendaklah merentasi semua disiplin ilmu yang berkenaan. Disamping itu, penekanan juga perlu dibuat oleh UNISSA untuk mengukuhkan lagi penggunaan dan penguasaan Bahasa Arab dalam program-program yang ditawarkannya, sesuai dengan kedudukan bahasa ini sebagai bahasa Al-Qur'an. Pada hari ini, penekanan keatas dua faktor ini akan menjadikan UNISSA sebuah Universiti Islam Tulen yang unggul, bukan sahaja di rantau ini malahan juga di peringkat antarabangsa.*

*Dalam usaha UNISSA mencapai keunggulan tersebut, perkara utama yang perlu diutamakan ialah kualiti*

- Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di **Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam** pada hari Sabtu, 8 Muharram 1436 Hijrah bersamaan 1 November 2014 Masihi bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.





## MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ

'Al-Qur'an dan Al-Sunnah Menjana Ummah Berwawasan'



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat merasmikan Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-4, UNISSA pada 18 Zulkaedah 1435H bersamaan 13 September 2014M yang berlangsung di Auditorium, UNISSA.



Tema 'Al-Qur'an dan Al-Sunnah Menjana Ummah Berwawasan' dipilih untuk Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-4 ini, yang dilihat sangat signifikan untuk dijadikan dasar atau teras dalam mengharungi kehidupan di universiti Islam dan dalam masa yang sama mendukung hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam merealisasikan 'Wawasan Negara 2035'; untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi bersendikan kepercayaan kepada penerapan nilai-nilai murni Islam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Pro-Canselor UNISSA telah dijunjung bagi bercemar duli untuk melancarkan 10 buah buku terbaru terbitan UNISSA dan seterusnya dijunjung merasmikan Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-4.





Pelbagai aktiviti ataupun program yang berbentuk keagamaan, akademik dan informatif diungkayahkan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hafiz Al-Takharruj ke-4, UNISSA. Antara acara yang dijalankan sepanjang berlangsungnya Mahrajan Hafiz Al-Takharruj ialah Majlis Khatam Al Qur'an, Persidangan, Seminar, Bengkel, Ceramah Umum dan beberapa jenis pertandingan.





Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah bersabda merasmikan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII

## KONFERENSI ANTARABANGSA ISLAM BORNEO VIII (KAIB VIII)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga Pro-Canselor UNISSA telah berangkat ke Majlis Perasmian Pembukaan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII) pada 18 Zulkaedah 1436H bersamaan 2 September 2015M bertempat di Auditorium, UNISSA.

KAIB VIII telah berlangsung selama dua (2) hari, iaitu pada 18 hingga 19 Zulkaedah 1436H bersamaan 2 hingga 3 September 2015M, yang merupakan anjuran kolaborasi antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), Negara Brunei Darussalam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah.

Tema ‘Melestari Da’wah dan Tamadun Islam di Borneo’ dipilih merujuk kepada latar belakang Negara Brunei Darussalam, Sarawak dan Sabah yang berkongsi banyak persamaan dari sudut demografi, geografi dan kepercayaan. Bahkan perkembangan Islam yang berlaku di Negara Brunei Darussalam telah menyumbang kepada penyebaran Islam di beberapa Kepulauan Borneo termasuk Sarawak dan Sabah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga Pro-Canselor UNISSA dalam Majlis Perasmian telah bersabda:



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima Pesambahan

*“...perkara ini adalah penting bagi menyatupadukan masyarakat setempat dan serantau yang sentiasa dibelenggu oleh berbagai masalah dan gejala sosial yang sebahagian besarnya berpunca daripada sikap manusia yang secara sedar atau sebaliknya, melanggar perintah dan larangan Allah yang terang lagi jelas. Di sinilah peranan penting dakwah ke arah memantapkan semula penyebaran ilmu tauhid yang juga menjurus kepada mewujudkan semula sistem kepercayaan ke arah kesejagatan tamadun Islam serta maqasid syariah”.*

Syiar Islam, tambah Duli Yang Teramat Mulia, telah membawa perubahan kepada corak pentadbiran serta identiti negara kepada sebuah negara Islam yang bertamadun dengan calak sosio-budaya tersendiri.

*“Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Paduka Nenda Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien secara rasminya meletakkan akidah Ahli Sunnah Wal Jama‘ah dan Mazhab Shafi‘i dalam Perlembagaan Brunei 1959 sebagai manifestasi keutuhan tamadun dan syiar Islam”.*


*“Usaha melestarikan dakwah dan tamadun Islam tersebut terus dipelopori serta diperkembangkan secara berterusan dalam sistem pemerintahan Paduka Ayahanda dan kesinambungan syiar kegemilangan Islam telah dimanifestasikan menerusi gagasan ‘Negara Zikir’ yang berpaksikan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah”.*

Kertas Perdana yang bertajuk ‘Melestari Da‘wah dan Tamadun Islam di Borneo’ telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Selain Kertas Perdana, sebanyak 135 kertas kerja lagi iaitu enam (6) buah kertas utama dan 129 buah kertas kerja turut dibentangkan dalam konferensi ini yang melibatkan para pembentang daripada pelbagai institusi Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia.

Konferensi ini merupakan aktiviti ilmiah tahunan dan tahun 2015 merupakan tahun kedua, Negara Brunei Darussalam mengendalikannya sebagai tuan rumah.



Sidang pembentangan kertas kerja



## MAJLIS PERASMIAN PENANGGUHAN KONFERENSI ANTARABANGSA ISLAM BORNEO VIII (KAIB VIII)



Yang Berhormat Menteri Pendidikan bersama para jemputan khas

Majlis Perasmian Penangguhan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII) telah berlangsung pada 19 Zulkaedah 1436H bersamaan 3 September 2015M di Hotel Rizqun, Gadong. Hadir dalam majlis tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam selaku Tetamu Kehormat dan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Di dalam majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa pengaruh dan ancaman aqidah boleh menggugat keamanan dan ketenteraman negara dan rantau ini. Justeru itu, da'wah dan tamadun Islam adalah dua elemen yang saling berkait rapat dalam melonjak transformasi umat Islam ke arah pembangunan serta kemajuan yang lebih positif dan mesti dibina selari dengan kekuuhan ekonomi.

Dengan latar belakang dan kedudukan yang strategik di rantau ini tambahnya, institusi-institusi pengajian tinggi Borneo sewajarnya berusaha menjalin dan mengeratkan kerjasama untuk mengenal pasti bidang-bidang yang boleh diteroka bagi kesejahteraan ummah dan peningkatan sosio-ekonomi rantau ini. Jalinan persaudaraan ataupun ukhuwwah yang tercipta hasil kerja ilmiah antara organisasi dalam dan luar Negara Brunei Darussalam seperti ini dihasrat akan dapat dikekalkan serta diperkuuhkan lagi sebagai satu platform dalam membangun legasi ilmu Islam, khasnya di rantau Borneo.

Di dalam majlis ini turut disampaikan resolusi yang dibacakan oleh Yang Mulia Profesor Dato Dr Jamil bin Haji Hamali, Rektor Universiti Teknologi MARA, Sarawak, Malaysia. Sebanyak 12 resolusi seminar telah



membacakan Resolusi KAIB VIII



Yang Berhormat Menteri Pendidikan berucap dan seterusnya merasmikan Penangguhan KAIB VIII

disepakati yang antaranya ialah melestarikan hubungan baik dan kerjasama yang erat di dalam pelbagai bidang antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah; memanfaatkan kecanggihan ICT dan media cetak sebagai langkah untuk menjadikan aktiviti da'wah lebih efektif dan proaktif; pengesahan status halal dalam industri makanan, barang gunaan, kosmetik, produk-produk lain perlu diperkemas dan diselaraskan dalam kalangan penguasa di seluruh Borneo dan konferensi ini merumuskan bahawa usaha da'wah Islamiah perlu didukung oleh semua peringkat masyarakat demi melestarikan kegemilangan tamadun Islam di Borneo.



Ustazah Hajah Azizah binti Haji Musa, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan ucapan alu-aluan

# THEMATIC WORKSHOP ON ISLAMIC FINANCIAL



Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan ketika merasmikan Thematic Workshop On Islamic Financial Literacy

Pendidikan dan kesedaran mengenai kewangan perlu dipertingkat oleh semua agensi yang relevan termasuk maklumat yang jelas mengenai tanggungjawab, perlindungan dan hak-hak pengguna. Bagi tujuan itu, mekanisme yang bersesuaian perlu dibangunkan untuk membantu pengguna yang sedia ada dan masa depan demi membangun pengetahuan, kemahiran dan keyakinan mereka dalam memahami risiko-risiko termasuk risiko kewangan dan peluang-peluang, membuat pilihan, mendapatkan bantuan dan mengambil tindakan yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka sendiri. Oleh itu, maklumat yang sahih adalah mustahak untuk disebarluaskan dengan jelas lagi meluas kepada orang ramai bagi membina kepercayaan terhadap institusi kewangan Islam.

Dalam usaha membangun masyarakat celik kewangan Islam, Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan Institut Latihan dan Penyelidikan Islam (IRTI), Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah, Arab Saudi dengan kerjasama Pusat Pengurusan dan Kewangan, Perbankan Islam (CIBFM), Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD) telah menganjurkan ‘Thematic Workshop on Islamic Financial Literacy 2015’ (TWIFL2015) (Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015), yang diadakan mulai 6 hingga 7 Jamadilawal 1436H bersamaan 25 hingga 26 Februari 2015M. Sejumlah 19 buah kertas kerja daripada 11 buah negara telah dibentangkan sepanjang dua (2) hari berlangsungnya bengkel ini yang bertempat di Auditorium, UNISSA.

Perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail. Objektif bengkel diadakan antara lain bertujuan untuk menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai celik kewangan Islam, status terkini dan prospek masa depannya, selain bagi menggalakkan celik kewangan Islam, mengetengahkan isu-isu dan cabaran-cabaran serta menghuraikan cadangan penyelesaian dan pemilihan kepada pengguna. Hasil daripada bengkel ini diharap akan dapat menyenaraikan tindakan dan kemungkinan projek konkret yang dapat mencadangkan celik kewangan Islam bagi kepentingan umat dari perspektif sosio dan ekonomi.

Lebih 100 peserta terdiri daripada wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, para pelajar UNISSA dan institusi pengajian tinggi yang lain serta orang-orang persendirian dari dalam dan luar negara telah menghadiri bengkel ini.

## PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNISSA-IRTI

Dalam acara *Thematic Workshop On Islamic Financial Literacy 2015* (TWIFL2015) telah menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan IRTI mengenai projek-projek akan datang seperti penyelidikan, penempatan penuntut, bengkel serta latihan.

Menandatangi bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Haji Norafan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak IRTI pula diwakili oleh Ketua Bahagian Penyelidikan Ekonomi Islam IRTI, Bank Pembangunan Islam (IDB), Profesor Dr Abdul Ghafar bin Ismail dan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.


Tujuan MoU dimeterai adalah untuk menyediakan rangka kerja umum bagi memudahkan kolaborasi dan kerjasama antara peserta dalam mempromosi dan melaksanakan kepentingan bersama dalam menganjurkan dan mengadakan bengkel dalam bidang ekonomi, kewangan dan perbankan.



Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU)  
antara UNISSA dan IRTI



Sesi pembentangan kertas kerja



# Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha'irah Dan Maturidiyyah Dalam Pemantapan Aqidah Islamiah



Tetamu Kehormat dan para Pegawai Utama UNISSA

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali telah menganjurkan ‘Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha’irah Dan Maturidiyyah Dalam Pemantapan Aqidah Islamiah’ yang berlangsung selama dua (2) hari, iaitu pada 4 hingga 5 Zulkaedah 1436H bersamaan 19 hingga 20 Ogos 2015M.

Seminar yang bertemakan ‘Ke Arah Pengukuhan Aqidah Islamiah’ sangat relevan dengan cabaran masa kini yang berhadapan dengan arus idealogi yang menyeleweng dan aliran aqidah yang ekstremis sehingga mengkafirkkan orang Islam yang tidak sealiran dengan pemikiran mereka. Fenomena negatif seumpama ini telah lama muncul dalam sejarah Islam yang ditimbulkan oleh golongan Khawarij dan Syiah tetapi berjaya ditangani dengan kebangkitan aliran Ahli Sunnah Wal Jama‘ah.

Dalam usaha menyelamatkan pemikiran masyarakat Islam daripada diracuni oleh idealogi yang menyeleweng lagi melampau, Fakulti Usuluddin mengambil inisiatif dengan menganjurkan seminar yang memfokuskan kepada kupasan tentang metodologi para ulama Ahli Sunnah Wal Jama‘ah menerusi 38 buah kertas kerja yang dibentangkan oleh para ilmuan yang datang daripada pelbagai institusi dari dalam maupun luar negara.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail selaku Tetamu Kehormat dalam seminar ini telah berucap bahawa melihat kepada perkembangan semasa, maka perlu memiliki aqidah yang berterusan mantap agar tidak dicabar dan diganggu-gugat oleh anasir-anasir dan fahaman-fahaman yang bercanggah dengan apa yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama muktabar dalam bidang Usuluddin khususnya ulama Asha’irah dan Maturidiyyah yang telah berusaha memperkasakan aqidah Islam yang murni ini. Yang Mulia Tetamu Kehormat turut mengingatkan tentang harapan tinggi kepimpinan negara kepada UNISSA sebagai sebuah universiti Islam tulen yang diharap dapat berperanan menjadi tunggak dalam memberikan sumbangan demi memelihara kesucian agama Islam melalui penyebaran ilmu Islam dalam usaha pemantapan dan pengukuhan aqidah Islam.

Objektif seminar ini diadakan untuk memperkenalkan tokoh ulama Ahli Sunnah Wal Jama‘ah yang telah berjaya melakar kemajuan dalam sejarah Islam dan mengembalikan ketuanan agama Islam dalam arena kehidupan realiti pada sudut ilmiah, metodologi dan akhlak. Di samping itu untuk menerangkan keutuhan metodologi ilmu ulama Asha’irah dan Maturidiyyah dalam memangkinkan aqidah yang murni serta memastabatkan peranan mereka dalam semua bidang kehidupan berlandaskan aqidah yang mantap.



Yang Mulia Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya,  
Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA ketika memberikan  
ucapan alu-aluan



Pembentangan Kertas Perdana oleh Yang Mulia Profesor  
Dato' Dr Sayyid Muhammad Aqiel bin Ali Al Mahdaly



Tetamu Kehormat, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail ketika merasmikan Majlis Pembukaan Seminar

## KULIAH UMUM - Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha'irah Dan Maturidiyyah Dalam Pemantapan Aqidah Islamiah

Kuliah Umum turut mengisi acara Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha'irah dan Maturidiyyah Dalam Pemantapan Aqidah Islamiah yang berlangsung pada hari kedua seminar, iaitu 5 Zulkaedah 1436H bersamaan 20 Ogos 2015M. Kuliah Umum ini turut dibukakan kepada masyarakat awam yang berminat untuk mengambil manfaat melalui perkongsian ilmu mengenai disiplin ilmu Islam.

Tiga (3) orang ahli akademik telah dipilih untuk mengongsikan kepakaran dalam bidang masing-masing melalui pembentangan kertas kerja.



Yang Mulia Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim,  
Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah, UNISSA



Yang Mulia Profesor Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo,  
Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah  
Wal Jama'ah, KUPU SB



Yang Mulia Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal,  
Rektor UNISSA



Para pembentang kertas kerja dalam Kuliah Umum

Yang Mulia Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Pendekatan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah Di Negara Brunei Darussalam Dan Cabaran Mutakhir’.

Yang Mulia Profesor Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo, Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama’ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) membentangkan kertas kerja yang bertajuk ‘Syajaratul ‘Ilm Sebagai Asas Ketulenan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama’ah’.

Yang Mulia Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim, Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) membentangkan kertas kerja yang bertajuk ‘Sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz Dalam Menegakkan Aqidah Ahli Sunnah Wa Al-Jama’ah Melalui Fatwa Di Negara Brunei Darussalam’.

# SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DI ALAM MELAYU KALI KE V (ICON-IMAD V)

Seminar Antarabangsa Islam Di Alam Melayu Kali Ke V (ICON-IMAD V) dengan tema ‘Islam Moderat (Wasatiyah) Untuk Kedamaian Sejagat: Satu Pengalaman Dari Asia Tenggara’ merupakan anjuran kolaborasi Kolej Pengajian Islam, Universiti Prince Songkhla, Kampus Pattani Thailand (PSU), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia (UM), UIN Sunan Gunung Djati, Bandung, Republik Indonesia dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Seminar ini berlangsung selama tiga (3) hari, mulai 28 hingga 30 Zulkaedah 1436H bersamaan 12 hingga 14 September 2015M yang diadakan di Kolej Pengajian Islam, Universiti Prince Songkhla, Kampus Pattani, Thailand. Seramai 11 orang tenaga akademik UNISSA telah menghadiri dan seterusnya membentangkan kertas kerja masing-masing dalam seminar tersebut. Rombongan ini diketuai oleh Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA ketika berucap dalam majlis perasmian seminar tersebut menegaskan bahawa penglibatan UNISSA sebagai penganjur bersama mempunyai matlamat yang murni iaitu untuk menjelaskan kepada dunia bahawa Islam adalah sebuah agama yang menganjur kedamaian sejagat dan usaha ini adalah sebahagian daripada kewajipan umat Islam. Adalah menjadi harapan beliau, penganjuran seminar secara kolaborasi akan mewujudkan satu jaringan akademik dan wadah perbincangan intelektual dalam bidang pengajian Islam seterusnya menghasilkan penyelidikan dan penulisan berimpak tinggi, di samping menghasilkan buah fikiran yang bernes yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk mencetuskan kemakmuran dan keharmonian sejagat.



12-14 September 2015  
International Conference on Islam in Malay World  
Seminar Antarabangsa "Islam Di Alam Melayu Kali Ke-V"  
Organized by:  
College of Islamic Studies  
Academy of Islamic Studies  
Diploma Sarjana UIN Sunan Kalijaga  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



Yang Mulia Rektor UNISSA bergambar ramai dengan para rektor daripada Institusi Penganjur

Yang Mulia Rektor UNISSA ketika berucap  
dalam Majlis Pembukaan Seminar ICON-IMAD



Para tenaga akademik UNISSA yang menyertai dan seterusnya membentangkan kertas kerja masing-masing dalam ICON-IMAD V

# PELANCARAN JURNAL AL-SHAFI'I, JURNAL AL-SHAFI'I (EDISI



Yang Berhormat Mufti Kerajaan merasmikan Pelancaran Jurnal al-Shafi'i

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS), UNISSA telah melakar sejarahnya sendiri dengan berlangsungnya pelancaran Jurnal al-Shafi'i, Jurnal al-Shafi'i (Edisi Khas) pada 26 Zulkaedah 1436H bersamaan 10 September 2015M yang berlangsung di Auditorium, UNISSA.

Perasmian Pelancaran Jurnal al-Shaf'i, Jurnal al-Shaf'i (Edisi Khas) disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned dan turut disaksikan oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Yusoff bin Haji Ismail, Pemangku Menteri Pendidikan dan Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

Penerbitan Jurnal al-Shafi'i merupakan karya ilmiah tahunan iaitu diterbitkan setiap enam bulan sekali, terbitan PPMS dengan harapan agar ia dapat menjadi satu dorongan meningkatkan lagi kegiatan penyelidikan dalam kalangan para akademik UNISSA sebagai kesepaduan tanggungjawab akademik berkhidmat kepada masyarakat ke arah perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam.




Yang Berhormat Mufti Kerajaan menyempurnakan Pelancaran Jurnal al-Shafi'i

Objektifnya ialah meningkatkan kegiatan penyelidikan dalam kalangan individu atau kumpulan yang terdiri daripada ahli akademik dan mahasiswa pasca ijazah UNISSA dalam penyelidikan pemikiran Imam al-Shafi'i; mengumpul makalah / artikel daripada pelbagai disiplin ilmu Islam khasnya yang berkaitan dengan pemikiran Mazhab Shafi'i bagi tujuan rekod; memperkaya dan memperincikan bahan ilmiah sedia ada untuk dijadikan sumber rujukan kontemporari masyarakat seluruhnya; mengukuh dan memantapkan pegangan individu terhadap aliran Mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam yang seterusnya membawa kepada kestabilan dan keharmonian negara dan masyarakat dalam hidup beragama.

Jurnal al-Shafi'i, Jurnal berwacanah Antarabangsa



Jurnal al-Shafi'i,  
Jurnal al-Shafi'i (Edisi Khas)



## LAWATAN KERJA KE LUAR NEGARA

### LAWATAN KERJA KE UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (UIM)

Pada 27 Zulkaedah 1436H bersamaan 11 September 2015M, Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan Yang Mulia Haji Sammalli bin Haji Adam, Ketua Unit Hal Ehwal Perhubungan Awam UNISSA telah mengadakan lawatan ke Universiti Islam Malaysia (UIM).

Lawatan tersebut adalah sebagai perjumpaan susulan selepas termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dan UIM yang telah ditandatangani pada 27 Mei 2015M di UNISSA.

Perjumpaan tersebut telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Tan Sri Profesor Dr Mohd Yusof Noor, Presiden Universiti Islam Malaysia (UIM), Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Abdul Monir Yaakob, Naib Presiden UIM, Profesor Dr Noor Inayah Yaakub dan Profesor Dr Mohamad Abdul Hamid, Dekan Pentadbiran UIM.

Lawatan kerja ini adalah diharap dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang erat yang telah wujud di antara UNISSA dan UIM. Pihak UNISSA dan UIM telah bertukar-tukar fikiran dan mengadakan perbincangan bagi menjalankan rangkaian kerja antara kedua belah pihak.

Dengan adanya perjumpaan ini akan dapat mengukuhkan lagi hubungan dalam mempromosi dan memupuk kerjasama dan usaha sama melalui kepakaran pengajian yang mempunyai persamaan antara kedua-dua universiti.

### LAWATAN KERJA KE *WORLD ISLAMIC SCIENCES AND EDUCATION UNIVERSITY (WISE)*

Rombongan UNISSA telah mengadakan lawatan kerja ke *World Islamic Sciences and Education University (WISE)* pada 25 Safar 1436H bersamaan 18 Disember 2014M, yang diketuai oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Hasil daripada perjumpaan tersebut, pihak WISE telah bersetuju dan bersedia menerima penempatan pelajar-pelajar UNISSA untuk mengikuti program pengajian di luar negara (*Study Abroad Programme*) selama setahun. Pihak WISE juga mengalu-alukan penempatan tenaga akademik UNISSA dalam program mobiliti dan seterusnya mengikuti program intensif pengajaran Bahasa Arab yang ada di WISE.

**Penandatanganan Memorandum Persefahaman (Mou) Dengan *World Islamic Sciences And Education University (WISE)***

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *World Islamic Sciences And Education University (Wise)* berlangsung pada 25 Safar 1436H bersamaan 18 Disember 2014M. Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, manakala bagi pihak WISE ialah Profesor Dr Naseer Ahmad al-Khawaldeh, Presiden WISE. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Profesor Dr Sami Khidr Abdel-Hafez, Timbalan Presiden Hal Ehwal Akademik dan pegawai-pegawai kanan WISE.



MoU UNISSA-WISE



Yang Mulia Rektor UNISSA mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran dengan pegawai-pegawai utama UIM




Yang Mulia Rektor UNISSA menyerahkan cenderahati kepada Presiden UIM

## LAWATAN KERJA KE UNIVERSITI YARMOUK

Pada 24 Safar 1436H bersamaan 17 Disember 2015M, rombongan UNISSA yang diketuai oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal, Rektor UNISSA telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Yarmouk, Jordan. Dalam lawatan tersebut rombongan UNISSA telah disambut oleh Profesor Dr Abdullah M al-Musa, Presiden Universiti Yarmouk, Profesor Dr Ahmad Fakhri al-Ajlouni, Timbalan Presiden Hal Ehwal Pentadbiran dan Profesor Abdullah Muhammad al-Jarrah, Timbalan Presiden Hal Ehwal Akademik. Melalui perjumpaan tersebut, UNISSA dan Universiti Yarmouk bersetuju untuk meluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang akademik dan mobiliti pelajar serta tenaga akademik. Dalam pada itu, Universiti Yarmouk menyatakan kesediaan untuk menerima tenaga akademik UNISSA bagi mengikuti pengajian lepas ijazah peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di samping kesediaan untuk mengadakan *twinning programme* dan *double degree* di antara UNISSA dengan Universiti Yarmouk.



Yang Mulia Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal dan rombongan dalam perjumpaan dengan para Pegawai Tertinggi Universiti Yarmouk



## LAWATAN KERJA KE PERSATUAN UNIVERSITI-UNIVERSITI ARAB (ASSOCIATION OF ARAB UNIVERSITIES, AARU)

Rombongan lawatan kerja yang diketuai oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA telah mengadakan lawatan kerja ke Persatuan Universiti-Universiti Arab (*Association of Arab Universities*, AArU) pada 24 Safar 1436H bersamaan 17 Disember 2014M. Rombongan UNISSA telah disambut oleh Profesor Dr Mohammad Rafat Mahmoud, Penolong Setiausaha Agung (*Assistant Secretary General*), AArU. Lawatan kerja ini diisi dengan perbincangan dua hala yang tertumpu kepada peluang-peluang kerjasama antara UNISSA dengan lebih kurang 240 buah universiti yang menjadi ahli dalam AArU.



**اتحاد الجامعات العربية**



Rombongan lawatan kerja UNISSA bergambar di hadapan bangunan Persatuan Universiti-Universiti Arab



Rombongan UNISSA bersama Presiden Pertubuhan Universiti-Universiti Islam yang berpusat di Kaherah, Republik Arab Mesir

## LAWATAN KERJA KE UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR



Yang Mulia Rektor UNISSA bersama Presiden Universiti Al-Azhar



Universiti Al-Azhar, Mesir


Pada 21 Safar 1436H bersamaan 14 Disember 2014M, rombongan UNISSA yang diketuai oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfah bin Haji Zainal, Rektor UNISSA telah mengadakan lawatan dan seterusnya perbincangan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Presiden Universiti al-Azhar yang baru dilantik, Profesor Dr Abdel-Hai Azab Abdel-Aal. Turut menghadiri perbincangan tersebut ialah Timbalan Presiden Universiti al-Azhar (Cawangan Tanta), Profesor Dr Muhammad Abu Hashim dan juga Timbalan Presiden Universiti al-Azhar (Cawangan Siswi), Profesor Dr Ahmad Husni Ahmad Taha.

### Kunjungan Hormat Kepada Syeikh Al-

Rombongan yang diketuai oleh Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan bersama-sama dengan Yang Mulia Dr Haji Norarfah bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA telah mengadakan kunjungan hormat kepada Fadhilah al-Syeikh Imam al-Akbar Profesor Dr Ahmad Mohammad at-Tayyeb, Syeikh al-Azhar pada 5 Ogos 2014M.


Turut hadir dalam kunjungan ini bagi pihak Syeikh al-Azhar ialah Penasihat kepada Syeikh al-Azhar dalam Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa, Abdel Rahman Moussa, Ketua Pejabat Pusat Perpustakaan Universiti al-Azhar, Abd El Majed Ahmed Abd El Latif dan Setiausaha Agung Mujamma' Buhuth al-Islamiyyah Universiti al-Azhar, Profesor Dr Muhyiddien Affifi Ahmed.

Dalam perjumpaan tersebut, Fadhilah al-Imam al-Akbar Syeikh al-Azhar menyuarakan kesediaan



Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Rektor UNISSA dan rombongan bersama Syeikh al-Azhar

dan komitmen Universiti al-Azhar yang berterusan untuk membantu UNISSA dan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi pelbagai bidang dalam usaha mengembang dan meningkatkan syi'ar Islam di Negara Brunei Darussalam.



# UNISSA JALIN HUBUNGAN STRATEGIK DENGAN KEDUTAAN LUAR NEGARA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali turut menarik perhatian para kedutaan luar negara yang berada di Negara Brunei Darussalam untuk bertukar-tukar fikiran dan menjalankan kerjasama tentang strategi pembangunan pendidikan UNISSA.

**Pesuruhjaya Tinggi British ke  
Negara Brunei Darussalam,  
Tuan Yang Terutama David Ian Campbell**

15 September 2014M



**Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashel bin  
Rashed bin Hashel Al-Maskari,  
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke  
Negara Brunei Darussalam**

14 Mei 2015M



**Tuan Yang Terutama Saleh Mohammed Al-Nesef,  
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Qatar  
ke Negara Brunei Darussalam**

14 Mei 2015M



**Tuan Profesor Hussain Mohammed M. Al-Dajani,  
Timbalan Ketua Misi / Setiausaha Pertama  
Kedutaan Diraja Arab Saudi ke  
Negara Brunei Darussalam**

11 Jun 2015M



**Tuan Yang Terutama Dr Mohamed Mashary Al Thafiri,  
Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kuwait Ke  
Negara Brunei Darussalam**

17 September 2015M




**Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam,  
Tuan Yang Terutama Roland Gafe**

22 September 2015M

## UNISSA MENGGANGGOTAI



Yang Mulia Rektor UNISSA dalam Persidangan Pertama Meja Bulat Rektor-Rektor Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM)



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diiktiraf sebagai ahli eksekutif bersekutu Persatuan Pengajian Tinggi Islam Asia (AIUUA) di dalam persidangan yang dihadiri oleh para rector daripada 15 buah institusi pengajian tinggi Islam yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Thailand termasuk Pengarah Pendidikan Malaysia-Indonesia, Konsul Malaysia di Pekanbaru Riau, Pengarah Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri Malaysia dan Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM). Persidangan tersebut berlangsung selama tiga (3) hari, mulai 5 hingga 7 Rejab 1436H bersamaan 24 hingga 26 April 2015M. Fokus utama persatuan ini adalah untuk merangka pelan strategik lima tahun pembangunan pendidikan Islam yang realistik agar pelaksanaannya dapat dilakukan dengan berkesan. Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal berharap agar penyertaan UNISSA dalam persatuan berkenaan akan dapat memperluaskan lagi kolaborasi dalam pelbagai bidang

## KEAHLIAN UNISSA DALAM APUCEN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) secara rasminya menjadi ahli *Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)* yang merupakan sebuah rangkaian serantau institusi pengajian tinggi di bawah kendalian Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1 Safar 1436H bersamaan 10 Disember 2014M dalam usaha mempromosikan budaya penglibatan universiti-komuniti secara proaktif, inklusif dan holistik.

Penubuhan APUCEN adalah didorong oleh keyakinan yang tinggi bahawa institusi pengajian tinggi dan masyarakat boleh bersatu untuk bekerjasama mewujudkan pengetahuan dalam meningkatkan persekitaran sosialisasi, ekonomi yang mapan dan masyarakat yang bersatu di rantau Asia Pasifik.

Sehingga kini, keahlian APUCEN mencecah 70 ahli dari institusi pengajian tinggi terkemuka rantau Asia-Pasifik. Penyertaan UNISSA dalam jaringan kerjasama ini merupakan usaha berterusan UNISSA ke arah meningkatkan reputasi dan kedudukannya melalui penyertaan serta bergerak aktif di peringkat serantau dan antarabangsa sesuai dengan pelan strategik UNISSA.



khususnya pengajian Islam dengan universiti-universiti Islam di Asia. Selain UNISSA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Insaniah (KUIN) juga menjadi ahli kepada persatuan ini dengan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) bertindak sebagai sekretariat.

## KEAHLIAN UNISSA DALAM RABITAH JAMI'AT ISLAMIYYAH


Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri mesyuarat Rabitah Jami'at Islamiyyah (*Islamic Universities League*, IUL) di Kota Suci Makkah, Arab Saudi pada 21 Februari 2015M. IUL mempunyai lebih dari 110 buah universiti-universiti Islam sebagai ahli dan UNISSA merupakan ahli dalam Rabitah tersebut.



Yang Mulia Rektor UNISSA dalam mesyuarat Rabitah Jami'at Islamiyyah



Yang Mulia Rektor UNISSA bersama Presiden Rabitah Jami'at Islamiyyah



# MAJLIS PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNISSA DAN UNIVERSITI LUAR SEPANJANG SESI AKADEMIK 2014/2015

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) meneruskan usaha untuk menjalankan kerjasama strategik dalam bidang akademik dan program mobiliti pelajar dan juga staf dalam bidang-bidang tertentu mahupun lain-lain bidang yang boleh diperluaskan dari semasa ke semasa dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi di luar negara. Beberapa Institusi Pengajian Tinggi telahpun memeterai Memorandum Persefahaman dengan UNISSA sepanjang tahun 2014 hingga 2015.

## UNISSA - UNIVERSITI FATONI

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Fatoni berlangsung pada 17 Safar 1436H bersamaan 10 Disember 2014M bertempat di Universiti Fatoni, Selatan Thailand. Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan Dr Haji Ismail Lutfi bin Chapakia, Rektor Universiti Fatoni bagi pihak Universiti Fatoni.



## UNISSA - UNIVERSITI JORDAN

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Universiti Jordan berlangsung pada 22 Safar 1436H bersamaan 15 Disember 2014M bertempat di Universiti Jordan, Amman. Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan Profesor Dr Ekhlef Tarawneh, Presiden Universiti Jordan bagi pihak Universiti Jordan. Turut menyaksikan penandatanganan MoU tersebut ialah Pengiran Muhd Salimin bin Pengiran Haji Daud, Setiausaha Pertama, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jordan.



## UNISSA - UNIVERSITI AL AL-BAYT

Pada 23 Safar 1436H bersamaan 16 Disember 2014M telah berlangsung Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan Universiti Al Al-Bayt, Mafraq, Jordan. Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan Profesor Dr Diaa Eddin Arafa, Presiden Universiti Al Al-Bayt bagi pihak Universiti Al Al-Bayt. Hadir sama dalam Majlis Penandatangan MoU tersebut ialah Pengiran Muhd Salimin bin Pengiran Haji Daud, Setiausaha Pertama, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jordan.




## UNISSA - UNISEL

Pada hari Isnin, 19 Rabiulakhir 1436H bersamaan 9 Februari 2015M telah termeterai Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Selangor (UNISEL), bertempat di Bilik Senat, UNISSA. Hadir menandatangani MoU tersebut bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, dan Presiden dan Naib Canselor bagi pihak UNISEL, Profesor Dr Haji Anuar bin Haji Ahmad.



### **UNISSA - PRINCE OF SONGKHLA UNIVERSITY**

Penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) antara Fakulti Undang-Undang, Prince of Songkhla University, Hat Yai Campus, Thailand dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA berlangsung pada hari Khamis, 22 Rabiulakhir 1436H bersamaan 12 Februari 2015M, bertempat di Bilik Senat, UNISSA. Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Profesor Madya Dr Haji Abdul Mohaimin bin Noordin Ayus, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA dan Mr Wasin Suwannarat, Dekan Fakulti Undang-Undang, bagi pihak PSU, Thailand. Turut hadir bagi menyaksikan majlis menandatangani MoA tersebut selaku wakil Rektor ialah Timbalan Rektor UNISSA, Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.




### **UNISSA - DAFFODIL INTERNATIONAL UNIVERSITY**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Daffodil International University (DIU), Bangladesh yang berlangsung pada hari Selasa, 2 Rejab 1436H bersamaan 21 April 2015M, bertempat di Bilik Senat, UNISSA. Hadir menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan Mr. Md Sabur Khan, Pengerusi bagi pihak DIU.

### **UNISSA - UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Islam Malaysia (UIM) telah disempurnakan pada hari Rabu, 9 Sya'ban 1436H bersamaan 27 Mei 2015M, bertempat di Bilik Banquet, UNISSA. Menandatangani MoU tersebut bagi pihak UNISSA ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, manakala bagi pihak UIM pula ditandatangani oleh Tan Sri Profesor Dr Mohd Yusof Noor, Presiden UIM. Turut hadir selaku Tetamu Kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Timbalan Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.



## NADWAH SHAFI'IYYAH 2015

Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan satu diskusi ilmiah yang dinamakan Nadwah Shafi'iyyah 2015 pada 24 Rejab 1436H bersamaan 13 Mei 2015M dan berlangsung di Auditorium UNISSA. Nadwah ini bertujuan untuk percambahan fikiran secara ilmiah berdasarkan bukti dan dalil terhadap suatu isu yang melanda umat Islam serta mendedahkan pendapat Fuqaha Mazhab Shafi'i kepada orang ramai tentang isu yang berkaitan, di samping untuk memelihara kewujudan dan memastikan Islam berlandaskan pandangan Mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam akan terus utuh.

Nadwah Shafi'iyyah turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof selaku Tetamu Kehormat.

Tiga ahli panel Nadwah terdiri daripada Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Yang Mulia Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pengarah Pusat Pengkajian Ahli Sunnah Wal Jamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Yang Mulia Profesor Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo dan Ahli Sekretariat Kumpulan Pemulihan Agama Singapura, Yang Mulia Mohammad Mubarak Habib Mohammed telah dipilih untuk mengupas tentang 'Ekstremisme dan Wasatiyyah Dari Kaca Mata Islam' yang dipengerusikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.



Tetamu Kehormat Majlis Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama beserta Pegawai-Pegawai UNISSA yang hadir mendengarkan Nadwah Shafi'iyyah



Ahli Panel membincangkan tajuk 'Ekstremisme dan Wasatiyyah Dari Kaca Mata Islam', dalam Nadwah Shafi'iyyah 2015



Sebahagian para peserta yang mengikuti Nadwah Shafi'iyyah 2015

## CERAMAH UMUM - KEFAHAMAN MAZHAB SHAFI'I

Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengungkayahkan Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i pada 26 Zulkaedah 1436H bersamaan 10 September 2015M. Usaha ini adalah sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Hafl Al-Takharruj ke-4 UNISSA pada 1 November 2014M yang mahukan supaya PPMS memainkan peranannya untuk mengekang sebarang pengembangan ajaran yang tidak selaras dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i ini telah disampaikan oleh Profesor Kunjungan di Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i iaitu Profesor Dr Mohammed Nabil Mohammed Elsayid Ghanayim dengan tajuk: *اسهامات الإمام الشافعی فی تعمیة الحديث النبوی* (Sumbangan Al-Imam Al-Shafi'i Dalam Perkembangan Hadith Nabawi).

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya mendengar ceramah umum ini ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Yusoff bin Haji Ismail, Pemangku Menteri Pendidikan dan Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

Mazhab Shafi'i adalah merupakan salah satu daripada golongan mazhab beraliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang usianya telah mencapai 12 abad. Sehingga ke hari ini, Mazhab Shafi'i masih kekal wujud bahkan terus berkembang dengan pesat hasil daripada usaha keras murid dan pengikut al-Imam al-Shafi'i yang tidak pernah mengenal erti jemu menyebarluaskan pemikiran dan ajaran mazhab tersebut demi kelangsungan umat Islam beramal mengikut ajaran lurus seperti yang telah disampaikan oleh Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*.



Profesor Dr Mohammed Nabil Mohammed Elsayid ketika menyampaikan ceramahnya

Kemunculan al-Imam al-Shafi'i dalam kalangan para mujtahid yang sezaman dengannya jelas memperlihatkan satu tanda kebesaran Allah di muka bumi ini. Imam ini telah mewariskan khazanah ilmu yang sangat bernilai kepada umat Islam hari ini khasnya dalam bidang ilmu Fiqh dan ilmu Usul al-Fiqh. Selain itu, beliau juga merupakan pejuang *Madrasah al-Hadith* yang meletakkan hadith sebagai sumber perundangan Islam yang kedua mengatasi sumber-sumber yang lain kecuali Al-Qur'an.


Maka wajarlah seseorang yang menjadikan pemikiran dan ajaran Mazhab Shafi'i sebagai ikutan dan panduan dalam beribadat kepada Allah untuk mengetahui syakhsiyah sebenar al-Imam al-Shafi'i sebagai seorang hamba Allah yang hidup dengan penuh keimanan dan ketaqwaan serta mengetahui ilmu dan sumbangannya dalam pengembangan ilmu pengetahuan.

Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan sejarah kehidupan al-Imam al-Shafi'i; memberi pengetahuan tentang sumbangan al-Imam al-Shafi'i khasnya dalam perkembangan Hadith Nabawi; serta menonjolkan hasil tulisan al-Imam al-Shafi'i dan ulama besar Mazhab Shafi'i; dan mempamerkan keunggulan al-Imam al-Shafi'i dan mazhabnya sebagai teladan umat Islam.



Orang ramai yang hadir dalam Ceramah Umum

Ceramah ini dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada warga UNISSA, wakil jabatan kerajaan dan swasta dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang boleh memahami dan bertutur dalam Bahasa Arab serta pelajar sekolah menengah atas yang menggunakan bahasa pengantar pengajian dalam Bahasa Arab.






Yang Mulia Dr Sayyed Abdul Hamid al-Mahdaly menyampaikan ceramah



Orang ramai yang menyaksikan fenomena gerhana bulan



Antara yang berpeluang menyaksikan gerhana bulan menggunakan peralatan khas



Peringkat-peringkat gerhana dan keadaan bulan dari Brunei sewaktu merentasi bayangan bumi pada 4 April 2015M

## UNISSA BUKA PELUANG KEPADA ORANG RAMAI MENYAKSIKAN CERAPAN GERHANA BULAN PENUH

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan telah membuka peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan Cerapan Gerhana Penuh Bulan, yang diadakan di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan pada 14 Jamadilakhir 1436H bersamaan 4 April 2015M yang bermula pada jam 6.00 petang hingga 10.00 malam.

Dalam pada orang ramai menyaksikan fenomena yang jarang berlaku ini, turut diadakan program yang bermanfaat iaitu Ceramah Awam yang bertajuk ‘Fenomena Gerhana Dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam’. Ceramah ini telah disampaikan oleh Yang Mulia Dr Sayyed Abdul Hamid al-Mahdaly, Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA.

Isi ceramah yang disampaikan antara lain menjelaskan bahawa fenomena gerhana di dalam Islam merupakan salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

“Di dalam Islam, merupakan salah satu tanda kebesaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan ini, Allah menampakkan supaya hambanya takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, supaya sentiasa mengingat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan supaya cepat-cepat kembali kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kembali kepada kebenaran yang telah ditegaskan oleh Al-Qur'an,” ujarnya.

Cerapan Gerhana Bulan Penuh ini telah berjaya menarik perhatian orang ramai daripada semua peringkat yang terdiri daripada kanak-kanak, belia dan warga tua untuk menyaksikan sendiri fenomena tersebut. Turut menyaksikan Cerapan Gerhana Bulan Penuh ini ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

# PROGRAM KEMAHIRAN BAGI TENAGA AKADEMIK

UNISSA turut menyediakan beberapa program latihan secara berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para tenaga akademiknya.

## BENGKEL PENYELIDIKAN

Aktiviti penyelidikan sangat penting dan menjadi tanda aras dalam menentukan kedudukan sesebuah universiti di peringkat antarabangsa. Perkara ini turut disentuh dan diberikan penekanan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Hafl Al-Takharruj ke-4 UNISSA, yang menyeru supaya UNISSA memperkembangkan dan meningkatkan bidang penyelidikan. Justeru UNISSA melalui Pusat Pengajian Lepas Ijazah mengungkayahkan ‘Bengkel Penyelidikan’ sebagai langkah awal untuk mendorong para tenaga akademik menerokai dan seterusnya mencintai bidang penyelidikan.

Tiga (3) orang fasilitator telah didatangkan daripada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, sebuah universiti yang sangat menonjol dalam bidang penyelidikannya untuk menjayakan bengkel ini, yang terdiri daripada; Profesor Dr Muhammad Syukri Salleh, Dr Zakaria Bahari dan Dr Wan Norhaniza binti Wan Hassan.

Bengkel Penyelidikan dijalankan selama dua (2) hari iaitu pada 8 hingga 9 Safar 1436H bersamaan 1 hingga 2 Disember 2014M yang mensasarkan para tenaga akademik tempatan UNISSA.



Dari kiri: Profesor Dr Muhammad Syukri Salleh, Dr Zakaria Bahari dan Dr Wan Norhaniza binti Wan Hassan



Sesi penyediaan *grant* penyelidikan

## **WORKSHOP ON ISI/SCOPUS REQUIREMENT FOR ARTICLE WRITING**

Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam turut menggesa ahli akademiknya untuk bergiat aktif dalam penulisan dan penerbitan melalui jurnal-jurnal khususnya jurnal dalam indeks ISI dan SCOPUS. Oleh yang demikian, UNISSA melalui Pusat Pengajian Lepas Ijazah menganjurkan bengkel seumpama ini sebagai usaha untuk membantu supaya para ahli akademiknya berjalan seiring dengan ‘trend’ ini. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan maklumat yang betul tentang kaedah penyelidikan, mengetahui ciri-ciri dan keperluan artikel yang diterbitkan dalam jurnal berwasit; dan mengenalpasti prosedur penerbitan dengan ISI dan jurnal SCOPUS.

Fasilitator adalah daripada kalangan ahli akademik UNISSA sendiri, dan telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan rakan akademik lain. Fasilitator terdiri daripada Profesor Dr Nehaluddin Ahmad, Profesor Kunjungan UNISSA dan Profesor Madya Dr Jilani Ben Touhami Meftah, Profesor Madya UNISSA.


Bengkel ini diadakan pada 22 Rejab 1436H bersamaan 11 Mei 2015M dan bertempat di Auditorium UNISSA yang mensasarkan keseluruhan tenaga akademik UNISSA.



Profesor Dr Nehaluddin Ahmad



Profesor Madya Dr Jilani Ben Touhami Meftah



# KOLOKIUM ANTARABANGSA JEJAK WARISAN ILMUAN ISLAM (JEWARIS)–

Kefahaman Islam sangat penting kepada masyarakat bagi sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi, manakala ilmuwan Islam pula adalah kalangan yang paling layak untuk membahaskan tentang isu-isu agama. Identiti Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai sebuah universiti Islam telah menarik perhatian Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk berkolaborasi mengadakan diskusi ilmiah sebagai satu pendedahan kepada siswazah di kedua-dua buah universiti untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan Syariah, Al-Qur'an dan Al-Sunnah, isu kontemporari dalam Islam, Bahasa Arab dan Tamadun Islam, serta aqidah dan pemikiran Islam.

Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS)– Brunei 2015 yang bertemakan ‘Perkongsian Ilmu Islam’ diadakan pada 9 Jamadilawal 1436H bersamaan 13 April 2015M di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Sejumlah 23 buah kertas kerja, iaitu 9 buah kertas kerja daripada UNISSA dan 14 buah kertas kerja daripada UKM telah dibentangkan oleh para siswazah dan seterusnya diberikan penilaian mengenainya oleh para tenaga akademik. Kolokium ini turut mengongsikan tiga (3) buah pembentangan kertas kerja daripada tenaga akademik UNISSA dan tiga (3) buah kertas kerja daripada tenaga akademik UKM.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menjalin hubungan strategik dan perkongsian pintar antara UNISSA dan UKM dan melahirkan graduan pengajian Islam yang berilmu pengetahuan, kompeten dan berdaya saing dalam memenuhi keperluan masyarakat.

Program seumpama ini adalah julung-julung kali diadakan yang sebahagian besarnya diungkayahkan oleh para siswazah daripada kedua-dua buah universiti. Melalui program ini, para siswazah bukan setakat menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam, malah dalam masa yang sama diberikan pendedahan dan pengalaman sebagai pengendali acara mahupun majlis ilmiah. Para siswazah UNISSA dan UKM juga berkesempatan untuk saling berkongsi ilmu, bertukar-tukar fikiran, serta menjalin silaturrahim serta merapatkan ukhuwah sesama muslim di antara dua negara; Brunei Darussalam dan Malaysia.



Sesi pembentangan kertas kerja daripada kalangan Pensyarah UNISSA dan UKM



Para pembentang dan penilai kertas kerja Kolokium JEWARIS

## KOLOKIUM UNISSA-ISDEV

Kolokium UNISSA-ISDEV yang diadakan pada 7 Zulkaedah 1436H bersamaan 22 Ogos 2015M dan bertempat di Auditorium UNISSA adalah merupakan platform kepada penjanaan kajian ilmiah dalam kalangan siswazahnya yang menjurus kepada kupasan beberapa isu berkaitan pengurusan dan pembangunan Islam, di samping membudayakan kajian akademik dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Kolokium ini merupakan salah satu daripada beberapa pengisian Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA Pertama, yang melibatkan penyertaan siswazah Lepas Ijazah daripada kedua-dua buah institusi. Sebanyak 19 buah kertas kerja telah dibentangkan iaitu 9 buah kertas kerja daripada siswazah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), manakala 10 buah kertas kerja lagi dibentangkan oleh Siswazah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM).



Para penilai memberikan komentar mengenai kertas kerja para siswazah



Sesi pembentangan kertas kerja daripada kalangan siswazah UNISSA dan ISDEV, USM

Kolokium ini merupakan pendedahan awal kepada para siswazah UNISSA khususnya dan ISDEV, USM umumnya untuk tampil berani di khalayak ramai dalam mengongsikan kajian-kajian terkini. Melaluiinya juga, para siswazah memperolehi idea-idea berasaskan dan komentar-komentar berharga untuk menjana kualiti kajian. Kertas kerja yang dibentangkan turut dinilai oleh para ahli akademik dan dipilih tiga yang terbaik daripadanya sebagai dorongan untuk menghasilkan kertas kerja berkualiti tinggi.

Sesungguhnya para siswazah diberikan kepercayaan dan bimbingan untuk menjayakan aktiviti ilmiah seumpama kolokium ini adalah semata-mata untuk menanamkan kecintaan kepada ilmu dan sebagai persediaan untuk melangkah ke dunia akademik.



Para pembentang dan penilai kertas kerja Kolokium UNISSA-ISDEV



## SUARA SISWAZAH ANTARABANG-



"I have been student for years and I can say that I was feeling in Brunei like in my home. To study in UNISSA was a very great opportunity to learn from famous scholars and to improve our knowledge about Islam in the authentic ways and methods. The way how they treated us, how they advised us, how they worked with us, gave us eternal encouragement and good hope to finish our researches and complete our studies. This is what is going to make UNISSA one of the best and most important Islamic universities in the Southeast Asia. I would like to express my deepest appreciation and thanks to all of them. Thanks for giving me a lot of inspiration on how to become a better scholar. *JazakumAllahu khairan*. You made my dream come true. I sincerely thank you for all you have done for us. UNISSA will continue to inspire me. I would also like to express my sincere thanks to the government of Brunei and especially to His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam for giving us this chance to study here in Brunei, the land of peace and knowledge."

**Sedat Islami, Kosovo  
PhD Usuluddin**



"I am very proud and impressed to study in UNISSA as it is real Islamic university standing with directions and teachings from Al-Qur'an and Al-Sunnah. It is the best university which produces quality graduates from different programs in all levels by coursework and research. I am very confident that UNISSA is the best university in Brunei Darussalam which provides Islamic knowledge and values to make Brunei Darussalam as a best 'Nation of Zikir'."

**Thabit Othman Abdalla, Tanzania  
M.A Syariah dan Undang-Undang**



"My first impression when I came to UNISSA was it was surprisingly good. It was such a peaceful and full of Islamic knowledge place. UNISSA, a university with Islamic environment, made me feel completely at home. This reminded me of my time at Quranic Institute in Jeddah, Saudi Arabia when I first started being exposed, discovering and adapting to that kind of environment. Apart from that, studying at UNISSA amazed me because it gave me the opportunity to challenge and upgrade myself, hence proving that I could do some things that I never imagined of capable doing them. For instance, I never learnt English language and never knew Malay language before at my home country. Therefore, being a student at UNISSA specifically and living in Brunei for almost six years during my study, paved the way for me to at least learn and understand a few of both languages, if not fluent. In addition, UNISSA provided a lot of activities which consist of teamwork, cooperation and being part of committee members which helped me to develop my individual skills and personality, as well as build my confidence level."

**Diallo Faizatou, Burkina Faso  
M.A Bahasa Arab dan Tamadun Islam**



"...dan bertaqwalah kepada Allah dan Allah mengajarmu..." [2:282] Ayat agung-Nya yang tidak pernah gagal memperingatkan agar terus berusaha menjadi hamba yang bertaqwa dan berilmu. Menerusi wasilah para murabbiah dan ulama di UNISSA, Allah mengajarkan ilmu-ilmu-Nya kepada kami agar terdidik peribadi dan jiwa yang terarah kepada fitrah Islam. Berat dirasa amanah sebagai seorang penuntut ilmu yang bergelar Muslim, kerana ilmu tanpa ketaqwaan dan keimanan kepada-Nya hanyalah sia-sia. Begitu terperinci kalam Allah mengangkat martabat 'taqwa' dalam menuntut ilmu, begitu juga moto yang dipilih UNISSA ini, yang sentiasa memberi kesan dan peringatan mendalam pada diri."

**Nurul Amirah Afiqah  
binti Khairuddin,  
Malaysia  
B.A Usuluddin Tafsir  
Hadith**



**Nur Husnina Raihanah  
binte Rahmat,  
Singapura  
B.A Bahasa Arab dan  
Tamadun Islam**



"Rugi? Tidak. Menyesal? Pun tidak. Syukur alhamdulillah atas peluang yang diberikan untuk menjadi salah satu pelajar antarabangsa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Banyak yang telah saya pelajari di kampus ini. Antara kesan atau impak sepanjang setahun lebih sebagai siswi adalah kegigihan dan keteguhan pensyarah-pensyarah dalam menumpahkan ilmu kepada siswa-siswi UNISSA dan saya juga terkesan oleh peluang yang diberikan untuk memegang jawatan dalam exco MPP UNISSA. Banyak lagi pengalaman yang telah saya raih dan rasanya tidak akan cukup untuk saya bercerita di ruangan ini. Segala jasa baik dapat diteruskan dan semoga usaha UNISSA diper mudahkan dan disenangi oleh semua staf dan penuntut UNISSA itu sendiri. Allahumma aamiin."



**Latifa Mohamed  
Abdulfattah Abdalla  
Ammar, Mesir  
B.A Bahasa Arab dan  
Tamadun Islam**



"I would like to express my gratitude to His Majesty The Sultan in providing the opportunity for International Students to study in Brunei Darussalam. I came to UNISSA that was quite small, however during these past four years it has grown yearly. As an International student, I have had various experiences which would surely be helpful and at the same time are memorable. I am truly grateful to have this opportunity to study at UNISSA and I thank each and everyone who has assisted me in any way during these past four years."

## STUDY ABROAD PROGRAMME



“Mengikuti *Study Abroad Programme* di Negara Jordan telah banyak mengajar saya untuk berdikari dalam melaksanakan pelbagai urusan yang berkaitan dengan pengurusan diri dan pembelajaran seperti menguruskan tempat tinggal, menguruskan kemasukan, mendaftar peperiksaan di universiti, dan sebagainya. Malah yang lebih penting lagi, berpeluang menuntut ilmu di sini merupakan kesempatan untuk saya meningkatkan penguasaan Bahasa Arab.

Belajar di negara Arab peluang untuk saya mempelajari dan mengetahui budaya bangsa Arab dengan lebih dekat lagi seperti cara kehidupan mereka sehari-hari, permakanan dan juga sambutan hari perayaan mereka. Dan Alhamdulillah, sepanjang saya berada di Universiti Jordan ini, saya mempunyai ramai rakan seperjuangan daripada pelbagai negara dan bangsa seperti Melayu, Cina dan Arab, yang sering membantu saya dalam pelajaran, di mana saya kerap mengikuti *study group* bersama rakan kuliah memandangkan metode pengajaran agak berbeza dengan di Brunei.

Saya juga merasa bertuah kerana berkesempatan melawat makam-makam para sahabat yang mati syahid dalam peperangan Mu'tah, iaitu makam Zaid bin Harithah, makam Jaafar bin Abi Talib dan makam Abdullah bin Rawahah. Tanpa ada peluang SAP ini sudah pasti saya tidak beroleh peluang yang amat berharga ini.

Di samping itu, saya juga terlibat di dalam khidmat masyarakat seperti memberi sumbangan dan bantuan kepada pelarian Syria yang menetap di Mafraq, yang dianjurkan oleh Exco Keugamaan dan Kebajikan Pelajar Brunei dan juga rakan dari Malaysia. Dengan lawatan ini, ia menerbitkan rasa kesyukuran dan keinsafan di dalam diri yang tidak termilai banyaknya jika dibandingkan dengan mereka. Kami juga berkesempatan melawat ke sekolah anak pelarian Syria yang dibina dengan bantuan orang ramai. Sikap mudah mesra dan manja dari kalangan kanak-kanak Syria pantas menghadirkan keserasian biarpun masalah bahasa menjadi penghalang.

Dikesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di Jordan yang banyak membantu saya sepanjang keberadaan saya di sana. Segala pengalaman, tunjuk ajar dan nasihat yang telah saya perolehi sepanjang menetap di bumi para anbiya ini akan saya jadikan panduan dan bekalan di masa akan datang.”

**Siti Zahidah Binti Haji Mohd Arsat**  
**SAP Universiti Jordan, Amman Jordan**  
**2014/2015**




“Youths are the nation’s assets’- a statement that I always hold onto, coming from His Majesty The Sultan, a man whom I am inspired by the most. As Bruneian youths, we hold the responsibility to harness and maximize our skills and capabilities as extensive as possible so as to be useful for the nation.

It was such a privilege to be given the opportunity to undergo the SAP in the International Islamic University Malaysia. Truly a garden of knowledge and virtue, not only did I get to experience the uniquely different learning environment, it has also given me a much wider perspective on a lot of things, including changes that could be applied to better our domestic learning system. In fact, the spare time available has allowed me to juggle my studies with beneficial activities such as participating in International Conferences, Community Works and Charity Runs to name a few.

The fact that Brunei and Malaysia mainly consist of Malays, one may thought the culture is almost similar... yet it turns out to be an exciting adventure to dive into. Alhamdulillah, after the exam ended, I had the chance to explore these varieties of culture, customs and traditions, social atmosphere, foods and even weddings, by backpacking throughout all the Malaysian states. Staying with foster families from all walks of life, interacting with the homeless, has not only taught me ‘appreciation’ but also showed how truly blessed we are to be Bruneians.

With the end of the SAP it surely did not end just there, the bond with them international friends and lecturers still remains and shall continue to strengthen, In sya Allah. It feels honoured to be reminded by them that I will always have a home in Malaysia, with them as foster families.”

**Sabrina binti Haji Mahmud**  
**SAP International Islamic University Malaysia**  
**2014/2015**



## PROGRAM BAHARU YANG DITAWARKAN DI UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengorak langkah ke hadapan dengan membuka penawaran program baharu yang dilihat sangat relevan dengan keperluan negara. Program Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Undang-Undang (secara penyelidikan) di bawah Fakulti Syariah dan Undang-Undang mula ditawarkan pada awal semester 1, sesi pengajian 2015/2016. Usaha ini bertujuan untuk memenuhi aspirasi ‘Negara Zikir’ ke arah melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan serta berakhhlak mulia di samping mengukuhkan dan memantapkan lagi usaha dan tuntutan negara dalam merealisasikan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Program ini ditawarkan khusus kepada pengamal dan penguatkuasa undang-undang serta para graduan yang berhajat untuk mendalami bidang undang-undang.

Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi‘i turut menawarkan dalam sesi pengajian 2015/2016 ini dua (2) program baharu iaitu Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Mazhab Shafi‘i (secara penyelidikan) dan Ijazah Sarjana Mazhab Shafi‘i (secara penyelidikan). Objektif program ini diadakan adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam khasnya di Negara Brunei Darussalam yang menjadikan Mazhab Shafi‘i sebagai mazhab ikutan beragama dan melahirkan cendekiawan dan ulama Islam yang mahir dan mendalami ilmu pengajian Mazhab Shafi‘i dalam bidang-bidang yang diterokai.



Program Ijazah Doktor Falsafah  
(PhD) Undang-Undang  
(secara penyelidikan)




مَدْكُور بِحُوتَ الْمَذْهَبِ الشَّافِعِيِّ  
PUSAT PENYELIDIKAN MAZHAB SHAFI'I  
Mazhab Shafi'i Research Centre

Ijazah Sarjana  
Mazhab Shafi‘i  
(secara penyelidikan)

Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)  
Mazhab Shafi‘i  
(secara penyelidikan)

# STATISTIK KEMASUKAN PELAJAR UNISSA 2015/2016

## KEMASUKAN PELAJAR




- Doktor Falsafah
- Sarjana
- Diploma Perundangan Islam & Guaman Syari'e
- Sarjana Muda




Kemasukan Pelajar UNISSA sesi 2015/2016


## Jantina



## Warganegara



- ANTARABANGSA
- TEMPATAN





Sesi taklimat bersama pengetua Kolej Sultan Qaboos, Muhammed bin Khalfan Al Saqri sebelum memulakan kursus selama dua bulan

## 4 ORANG PELAJAR FAKULTI BAHASA ARAB & TAMADUN ISLAM BERPELUANG MENGIKUTI PROGRAM BAHASA ARAB DI NEGARA

Seramai empat (4) orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di bawah Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, berpeluang mengikuti program pembelajaran Bahasa Arab di Negara Oman selama lapan (8) minggu, mulai 21 Rabiulakhir hingga 19 Jamadiakhir 1436H bersamaan 11 Februari hingga 9 April 2015M. Lokasi program berjalan di sebuah kolej yang terletak di wilayah Manah, Muhaafazah Al-Dakhiliyyah, Negara Oman. Program turut dihadiri seramai 20 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai negara.

Program Bahasa Arab anjuran Sultan Qaboos College for Teaching Arabic to non-Native Speakers (SQC), memfokuskan dan menawarkan pembelajaran Bahasa Arab secara efisien, relevan dengan matlamat Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam yang berusaha untuk mempertingkat kualiti pembelajaran dan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswinya dari semasa ke semasa.



Pembukaan ‘Malam Kebudayaan’ dengan persembahan lagu kebangsaan Oman dari para peserta.



Kiri: Sesi bergambar ramai bersama Tetamu Kehormat, Hilal bin Hamad al-Busaidi (Wali Manah) dan pengetua Kolej Sultan Qaboos semasa Majlis Konvokesyen.  
Kanan: Lawatan ke Kubu Nizwa.



Bendera Negara Oman



**Ak. Ahmad Tarmimi Bin Pg Damit**  
Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam



“Pengalaman paling manis ialah ‘Malam Kebudayaan’ iaitu aktiviti yang memfokuskan interaksi antara pelajar program dan penduduk Oman tentang budaya negara masing-masing. Melalui aktiviti ini, kerjasama yang baik terjalin di antara sesama pelajar program, menunjukkan bahawa wujudnya perpaduan meskipun berbeza agama, bangsa dan negara namun Bahasa Arab telah menyatukan pelajar program antara satu sama lain.”

**Siti Wazini binti Haji Amron**  
Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam



“Dalam tempoh 8 minggu, kami memperolehi banyak pengalaman yang bermanfaat lagi sangat menarik. Selain menimba ilmu melalui kelas Bahasa Arab dan kelas khat Arab, kami juga mendapat pengalaman melalui pelbagai aktiviti yang diadakan seperti aktiviti Syarik Lughawi atau ‘Peer Language Mentoring’ iaitu sesi perbualan antara pelajar kolej dengan siswazah Oman, aktiviti lawatan ke tempat bersejarah dan tempat menarik, aktiviti sukan, dan aktiviti malam kebudayaan, iaitu aktiviti yang mempamerkan budaya negara para peserta. Melalui aktiviti-aktiviti dan lawatan ini, kami diberi penilaian dalam tugas dalam sebelum berakhirnya kursus, seperti penulisan artikel, temubual, projek tentang budaya Oman sama ada berbentuk ‘brochure’ ataupun video.”


**Dk Siti Norsyuhaidah binti Pg Hj Ismail**  
Sarjana Sejarah dan Tamadun Islam

“Kursus yang telah dijalankan selama 2 bulan itu telah mencapai matlamatnya iaitu kami telah mampu dan berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Selain itu, kami juga memperolehi ilmu pengetahuan yang sangat besar nilainya lagi bermanfaat. Kursus ini juga telah mendekatkan diri kami dengan budaya dan tradisi Arab khususnya budaya Negara Oman.”

**Siti Norsyazwani Binti Abu Bakar**  
Sarjana Bahasa Arab



Ruang pameran wakil UNISSA  
(Brunei) di Malam Kebudayaan.



## PELAJAR UNISSA SERTAI IHTIFAL IPT ASEAN

Seramai tujuh (7) orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015 di dalam acara Debat Bahasa Arab dan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an yang berlangsung selama lima (5) hari mulai 5 hingga 9 Zulkaedah 1436H bersamaan 20 hingga 24 Ogos 2015M di Kuala Lumpur, Malaysia. Acara anjuran Universiti Sains Islam Malaysia dengan tema ‘Integrasi Ilmu Aqli dan Naqli’ ini disertai oleh Awang Muhammad Adika Yusra bin Mohd Yusof (Tahun 2, Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan), Awang Mohammad Aiman bin Saiful Rizal (Tahun 2, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam), Dayang Nur Aqilah binti Juraimi (Tahun 2, Fakulti Bahasa Arab dan Tamaddun Islam) dan Dayang Nur Amirah Afiqah binti Khairuddin (Tahun 2, Fakulti Usuluddin). Peserta Tilawah Al-Qur'an pula ialah Abdul Qawiyuddin bin Suhaili (Tahun 2, Fakulti Usuluddin) dan Dayang Nurhan Basirah binti Haji Chipli, (Tahun 2, Fakulti Syariah dan Undang-Undang). Awang Muhammad Arif bin Haji Johari, pelajar Tahun 2, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam menyertai Konvensyen Pendakwah Muda.



Rombongan pelajar UNISSA yang menyertai Ihtifal IPT ASEAN

## 4 PELAJAR UNISSA SERTAI PERTANDINGAN DEBAT DI QATAR

Seramai empat (4) orang pelajar Tahun 1 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai pertandingan Debat Bahasa Arab Antarabangsa yang berlangsung di Doha, Qatar pada 26 hingga 29 April 2015M yang lalu. Pelajar yang menyertai pertandingan tersebut terdiri daripada; Awang Muhammad Adika Yusra bin Mohd Yusof (Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan), Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin (Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam), Dayang Nur Aqilah binti Juraimi (Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam) dan Dayang Nur Amirah Afiqah binti Khairuddin (Fakulti Usuluddin).

Penyertaan UNISSA dalam pertandingan ini merupakan penyertaan pertama dari Negara Brunei Darussalam yang dibiayai oleh Pusat Debat Qatar. Pertandingan ini turut disertai oleh 67 buah universiti daripada 19 buah negara Arab dan 14 buah negara lain; antaranya Arab Saudi, Oman, Jordan, Kuwait, Palestin, Yaman, Sudan, Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Holland, Jerman, China, Korea Selatan, Malaysia, Perancis dan Turki.

Melalui penyertaan ini, para pelajar mendapat pengalaman yang sangat berharga khususnya kemahiran dalam berdebat, di samping menonjolkan kebolehan berdebat dalam Bahasa Arab. Penyertaan UNISSA dalam pertandingan Debat Bahasa Arab di Qatar ini memperlihatkan kesungguhan UNISSA dalam memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Qur'an dan sebagai bahasa pengantar utama UNISSA.

Turut mengiringi pelajar ialah Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, selaku ketua delegasi dan penasihat dan Dr Salah Sebouai sebagai pelatih peserta.



Rombongan ke Negara Qatar



Pelajar sedang bersedia dalam pertandingan Debat di Qatar



Para delegasi bergambar ramai selepas membuat lawatan ilmiah ke bangunan Parlimen, Kolombo, Sri Lanka

## PELAJAR UNISSA MENYERTAI KONFERENSI ALSA 2015, KOLOMBO, SRI LANKA

Seramai lapan (8) orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam program Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Syariah (LL.B & BSL) yang mewakili Persatuan Undang-Undang Asia (ALSA) Brunei telah mengikuti Konferensi Persatuan Mahasiswa-Mahasiswa Undang-Undang peringkat Asia atau lebih dikenali sebagai Asian Law Student Association (ALSA) di Kolombo, Sri Lanka. Konferensi anjuran Persatuan Mahasiswa-Mahasiswa Undang-Undang Sri Lanka tersebut telah berlangsung selama lima (5) hari iaitu 12 hingga 16 Rabiulawal 1436H bersamaan 3 hingga 7 Januari 2015M. Pelbagai aktiviti ilmiah mengisi konferensi ini antaranya pertandingan bahas, rundingan meja bulat dan mesyuarat yang dihadiri oleh para ahli pentadbiran ALSA bagi setiap negara.


Para delegasi Brunei Darussalam telah mengikuti dua aktiviti ilmiah tersebut yang mana empat daripadanya mengikuti pertandingan bahas dan selebihnya menghadiri mesyuarat para pentadbir ALSA (*Governing Council Meeting*). Dalam konferensi ini, para delegasi Brunei Darussalam telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan bahas dengan tajuk '*This house supports developing countries violating the intellectual property rights of multinational corporations to benefit the public interest*'.

Acara kebudayaan turut diadakan yang menyaksikan pelbagai persembahan yang dipersiapkan oleh para delegasi dari setiap negara yang menyertai dan para delegasi dari Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam acara tersebut. Selain Brunei Darussalam, konferensi kali ini turut disertai oleh Negara China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand termasuk dua buah negara sebagai pemerhati iaitu Macau dan India.



Pelajar UNISSA menyertai pertandingan bahas dalam konferensi ALSA

Pelajar-pelajar yang terpilih menyertai konferensi ini adalah terdiri daripada Nuur Khalilah binti Abdul Khalid, Abdul Muiz bin Ajis, Sheikh Husrin Jairul Azry bin Sheikh Hassan, Hajah Zalwatul Sakinah binti Haji Ibrahim, Muhammad Zainul-Akhyar bin Amer Hairunuddin, Nurul Husna Aqilah binti Haji Abidin, Noradibah binti Ramlee dan Azilla Liyana binti Mohd Azam Zaki dan diiringi oleh Ustazah Nurzakiah binti Haji Ramlee.



## PROGRAM MAKMAL SOSIO-AKADEMIK

Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA Pertama adalah program kolaborasi siswazah yang pertama diadakan melibatkan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM). Pengendalian program kunjungan akademik siswazah ISDEV ini diselenggarakan sepenuhnya oleh siswazah Pengajian Lepas Ijazah UNISSA di bawah seliaan Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dan Pusat Pengajian Lepas Ijazah.

Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA pertama berjalan selama 33 hari mulai 10 Syawal hingga 13 Zulkaedah 1436H bersamaan 27 Julai hingga 28 Ogos 2015M atas objektif mendedahkan para siswazah ISDEV kepada pembelajaran Bahasa Arab secara formal dan informal; memperkenalkan masyarakat dan tradisi budaya Negara

Brunei Darussalam; mengeratkan hubungan silaturrahim dan memupuk mawaddah serta mahabbah sesama siswazah menerusi penglibatan bersama dalam aktiviti keugamaan dan aktiviti sosial seperti khidmat masyarakat, sukan dan lawatan; menjalin hubungan strategik dan perkongsian pintar antara siswazah dalam bidang ilmiah menerusi penganjuran kolokium, sesi dialog, sesi perkongsian dan tugasan secara berkumpulan.

Majlis Perasmian Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA pertama diadakan pada 11 Syawal 1436H bersamaan 28 Julai 2015M di Rizqun Hotel, Gadong dan hadir selaku Wakil Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA.

Sepanjang program ini dijalankan, para siswazah ISDEV telah didedahkan dengan pembelajaran Bahasa Arab yang perlu diikuti setiap tiga (3) hari dalam seminggu.

Pembelajaran Bahasa Arab ini adalah di bawah kendalian para tenaga akademik Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Para siswazah ISDEV juga terlibat dengan beberapa aktiviti ilmiah seperti Kolokium UNISSA-ISDEV, Sesi Dialog (Hijrah Minda), Sesi Pembentangan Tugasan, Sesi Perkongsian (Kembara Ilmiah di Bumi Oman) dan Al'Aab Al-Lughah Al-'Arabiyyah, di samping aktiviti kerohanian, sukan, Kenali Negara Kitani (KNK), aktiviti sosial seperti khidmat masyarakat untuk keperluan anak-anak Autism di SMARTER. Para siswazah ISDEV juga berkesempatan melawat tempat-tempat menarik di Daerah Brunei-Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong, di samping lawatan ke Kilang Pembuatan Teh, lawatan ke Kilang Pembuatan Minyak Kelapa Dara dan lawatan ke Perusahaan Madu Kelulut. Malah para siswazah ISDEV juga turut serta dalam acara Hari Usrah bersama ISDEV dan Sambutan Hari Raya Aidil Fitri UNISSA.

Majlis Penutupan dan Penghargaan Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA Pertama diadakan pada 12 Zulkaedah 1436H bersamaan 27 Ogos 2015M di Rizqun Hotel, Gadong. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Cik Haznah binti Mohd Hashim.



**Minggu 1**

**Minggu 2**

### KEAGAMAAN & KEROHANIAN

- Menghalusi Cara-Cara Berwudhu & Bersolat

### KENALI NEGARA KITANI

- Kampong Ayer
- Galeri Kebudayaan Dan Pelancongan
- Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien
- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kg Kiarong
- Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja

### LAWATAN KE INSTITUSI PENDIDIKAN & JABATAN KERAJAAN

- Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan
- Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### RIADAH

- Taman Agro Teknologi (Koridor Inovasi Bio), Tungku

### AKADEMIK

- Permainan Bahasa Arab
- Menonton Video Arab

### KEAGAMAAN & KEROHANIAN

- Ceramah
- Mengenal Solat-Solat Sunat

### KHIDMAT MASYARAKAT

- SMARTER Brunei, Kg Mata-Mata Gadong
- Projek 'Biah Arabiyyah' (Gotong Royong mencantikkan lanskap), di perkarangan kawasan ruang legar (FOYER)

### KENALI NEGARA KITANI

- Istana Nurul Iman
- Pemprosesan Minyak Kelapa Dara, Kg Parit
- Pembuatan Teh, Kg Kiudang
- Perusahaan Madu Kelulut, Kg Sungai Kelugos
- 'Billionth Barrel Monument', Seria



Lawatan ke Kampong Ayer



Berkunjung ke rumah Yang Mulia Rektor UNISSA

# سلامت داتع لى نكارا برونزي

NG KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TO NEGARA BEJUNI DARUSSALAM



Ketibaan Delegasi ISDEV USM

## Minggu 3

### KEAGAMAAN & KEROHANIAN

- Qasidah & Tazkirah
- Ceramah

### KENALI NEGARA KITANI

- Perarakan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ke-69

### LAWATAN KE INSTITUSI PENDIDIKAN & JABATAN KERAJAAN

- Muzium Teknologi Brunei & Muzium Maritim

### RIADAH

- Hari Usrah bersama ISDEV, RBAF Saddle Club, Berakas Garrison



Kelas Praktikal Bahasa Arab

## Minggu 4

### AKADEMIK

- Seminar Usuluddin
- Kolokium UNISSA-ISDEV

### KEAGAMAAN & KEROHANIAN

- Kelas Menghalusi Bacaan Al-Qur'an

### KHIDMAT MASYARAKAT

- Bantuan Amal Persendirian

### KENALI NEGARA KITANI

- Pembuatan Mee, Biro Wanita MPK Senukoh

### LAWATAN KE INSTITUSI PENDIDIKAN & JABATAN KERAJAAN

- Sekolah-Sekolah Arab:
  - ◆ Sekolah Persediaan Arab (SPA)
  - ◆ Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMP RIPAD)
  - ◆ Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB)

## Minggu 5

### AKADEMIK

- Sesi Dialog 'Hijrah Minda'
- Sesi Perkongsian 'Kembara Ilmiah di Bumi Oman' & *Al'aab Al-Lughah Al-'Arabiyyah*

### KENALI NEGARA KITANI

- Galeri Warisan Kesenian dan Kebudayaan, Bangar, Temburong

### KEAGAMAAN & KEROHANIAN

- Khatam Al-Qur'an

### RIADAH


- Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, Labu Estet, Temburong
- Trandie Marina, Temburong

### PROGRAM MINGGUAN

- KELAS BAHASA ARAB
- KELAS PRAKTIKAL BAHASA ARAB
  - KULIAH SUBUH
  - TADARUS AL-QUR'AN



Salah satu aktiviti luar kampus



Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV USM-UNISSA (MASA@UNISSA) ini merupakan pengalaman yang berharga. Perkara yang tidak dapat kami lupakan ialah hubungan persahabatan yang terjalin di antara peserta USM dengan Ahli Jawatankuasa dari UNISSA. Malah, jalinan ukhwah ini turut melibatkan para pensyarah dan staf UNISSA yang mengiringi kami. Sesi pembelajaran yang interaktif, perkongsian minda dan pengurusan, sukan serta aktiviti dalam penjelajahan mengenali Negara Brunei Darussalam mengeratkan lagi tautan tersebut. Saya berkeyakinan bahawa pengajaran dan pembelajaran melalui hati-ke-hati, *knowledge transfer* dan bermusafir merupakan kaedah terbaik untuk diterapkan dalam pendidikan. Justeru, MASA@UNISSA sewajarnya diadakan secara berterusan bagi mengukuhkan lagi hubungan ISDEV USM dengan UNISSA.



Mohd Syahmir bin Alias  
Pelajar Doktor Falsafah  
Kedah, Malaysia

## MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN

Dalam menyemarakkan lagi Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA Pertama, Majlis Khatam Al-Qur'an telah diadakan sebagai aktiviti terakhir untuk program ini. Majlis Khatam Al-Qur'an ini telah berlangsung di Auditorium UNISSA dan dihadiri oleh Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku Tetamu Kehormat majlis yang juga berkesudian untuk menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan para peserta khatam.



Khairul Bariyah binti Othman  
Pelajar Doktor Falsafah  
Kedah, Malaysia

## AKTIVITI 'KENALI NEGARA'

Aktiviti ‘Kenali Negara Kitani’ telah membawa siswazah ISDEV ke beberapa tempat di seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam. Siswazah ISDEV telah dibawa membuat lawatan ke tempat pembuatan minyak kelapa dara di Kampung Parit, Daerah Brunei dan Muara bahkan menyaksikan secara dekat pembuatan sabun, syampu, minyak urut dan sebagainya yang dihasilkan daripada buah kelapa. Di Daerah Tutong pula para siswazah telah menyaksikan pembuatan teh herba dan madu kelulut yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan di daerah berkenaan. Siswazah ISDEV juga sempat membuat lawatan ke *Billionth Barrel Monument* yang menjadi tugu perkembangan industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam. Berada selama dua (2) hari di Daerah Temburong, para siswazah dibawa melawat ke pembuatan mee di Kampung Senukoh. Selain itu lawatan tertumpu di Taman Negara Ulu Temburong iaitu Trandie Marina Resort Sendirian Berhad dan dibawa melawat ke salah sebuah galeri di daerah tersebut yang memperkenalkan sejarah budaya dan pakaian puak tradisi yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Program MASA@UNISSA merupakan satu jalinan kolaborasi antara dua buah negara yang bersatu di bawah perjuangan Islam. Program ini telah menjadi platform dalam meningkatkan kemahiran pelajar dari aspek pengurusan berteraskan Islam, pendidikan secara formal dan tidak formal dalam penguasaan Bahasa Arab dan melahirkan semangat setiaawan yang tinggi. Aktiviti yang disusun dengan cukup kemas dan bersepudu dari pelbagai aspek telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan di awal program. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat.





MASA@UNISSA 1 Program surpassed all my expectations. I was pleasantly surprised with the well-organized and high quality teaching at the program. The Professors were well-prepared, passionate and energetic in classrooms. I consider that my Arabic speaking, writing, and reading skills had improved tremendously within a short period. The organizer had also arranged for field trips, whereby I had the opportunity to experience Brunei's unique culture, nature, and meet its friendly people. My colleagues of UNISSA's students with diverse academic backgrounds were interesting, friendly, helpful, and had rich personalities. I enjoyed the program very much.

Raudha binti Md. Ramli  
Pelajar Doktor Falsafah  
Selangor, Malaysia



Bergambar ramai ketika Majlis Penutup dan Penghargaan Program Makmal Sosio-Akademik ISDEV-UNISSA Pertama di Hotel Rizqun, Gadong

Program MASA@UNISSA yang telah saya ikuti pada bulan Julai hingga Ogos 2015 lepas merupakan program belajar Bahasa Arab yang sangat menarik. Saya dan para peserta diperkenalkan Bahasa Arab secara teoritikal dan praktikal. Saya juga diberikan kesempatan melawat ke sekolah bahasa Arab di Brunei sehingga saya peribadi memperoleh gambaran tentang upaya serius Brunei melalui pendidikan dalam mempopularkan semula Bahasa Arab. Saya telah mengenal Brunei secara terperinci daripada keadaan sosial, sejarah, ekonomi dan budayanya melalui pelbagai lawatan seperti pelbagai perayaan (perayaan Hari Keputeraan dan perayaan perkahwinan), lawatan ke muzium, galeri dan tempat-tempat bersejarah yang ada di Brunei, lawatan ke beberapa kilang serta lawatan ke pelbagai kawasan alam di Brunei. Saya juga dapat kesempatan untuk berbagi ilmu secara spiritual dan akademik baik UNISSA kepada ISDEV mahupun ISDEV kepada UNISSA dengan adanya program kolokium, seminar dan tentunya pelbagai program keagaaman. Semasa di Brunei, saya berpeluang mendapat pengalaman dan ilmu baru dengan bertemu orang-orang penting Indonesia (pihak kedutaan Indonesia) yang tinggal di sana ketika sedang mengadakan Perayaan Ulang Tahun Indonesia yang ke-70. Alhamdulillah dengan adanya program ini saya dapat sahabat baru dan dapat mengeratkan lagi tali silaturahim yang sudah terjalin antara ISDEV dengan UNISSA. Terima kasih.



Ade Yunita Mafruhat  
Pelajar Sarjana  
Bandung, Indonesia



## BANTUAN AMAL

Bantuan Amal SMARTER merupakan salah satu khidmat masyarakat dalam pengisian Program Makmal Sosio-Akademik UNISSA-ISDEV Pertama. Aktiviti Amal ini diadakan pada hari Jumaat, 7 Zulkaedah 1436H bersamaan 21 Ogos 2015M yang bermula dari jam 2.00 hingga 5.00 petang. Aktiviti ini berbentuk mengumpul dan menyusun atur barang-barang keperluan yang berupa pakaian, permainan dan lain-lain, yang disumbangkan oleh warga Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) untuk diserahkan kepada pihak SMARTER. Majlis Penyerahan Bantuan Amal ini telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Yang Mulia Dr Siti Sara binti Haji Ahmad mewakili UNISSA dan Yang Mulia Dr Wan Norhaniza binti Wan Hasan, mewakili ISDEV, USM, sementara Timbalan Presiden I SMARTER, Yang Mulia Pg. Haji Zamri bin Pg. Haji Bujang mewakili pihak SMARTER untuk menerima sumbangan tersebut.



Penyerahan bantuan amal kepada wakil Pengurus SMARTER



Sambutan Hari Raya bersama anak-anak SMARTER



Menyusun barang-barang sumbangan yang diperolehi daripada warga UNISSA

## SESI PERKONGSIAN & PROGRAM AL'AAB AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH

Sesi Perkongsian ‘Kembara Ilmiah Di Bumi Oman’ ialah sesi perkongsian pengalaman siswazah UNISSA yang telah mengikuti Kursus Bahasa Arab di Kolej Sultan Qaboos, Kesultanan Oman. Sesi ini disertai oleh Ak Ahmad Tarmimi bin Pg Damit, Siti Norsyazwani binti Abu Bakar, Dk Siti Norsyuhaidah binti Pg Hj Ismail dan Siti Wazini binti Haji Amron. Sejurus selepas sesi perkongsian berakhir, Program Al'aab Al-Lughah Al-'Arabiyyah (Program Permainan Bahasa Arab) diselajurkan dengan penanaman pokok bunga di perkarangan kawasan lapang UNISSA. Penanaman pokok bunga ini disempurnakan oleh Tetamu Kehormat, Yang Mulia Dr Haji Norarfah bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Sebanyak enam petak Al'aab Al-Lughah Al-'Arabiyyah telah dipamerkan, yang mana setiap petak menyediakan permainan yang berkaitan dengan Bahasa Arab untuk menguji kemahiran para siswazah bertutur dalam Bahasa Arab. Petak-petak tersebut ialah Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) USM, Malaysia, Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA, Unit Pelajar Antarabangsa, Pasukan Kadet Tentera UNISSA dan Study Abroad Programme (SAP) UNISSA.



Yang Mulia Rektor UNISSA menyempurnakan penanaman pokok



Yang Mulia Rektor UNISSA melawat booth Unit Pelajar Antarabangsa

## KHIDMAT MASYARAKAT

Siswazah ISDEV juga turun padang melakukan aktiviti khidmat masyarakat yang mengambil tempat di SMARTER Brunei, Kg Mata-Mata untuk berkongsi kegembiraan dalam Sambutan Hari Raya Aidil Fitri dengan anak-anak di SMARTER. Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk mendekati dan membantu anak-anak SMARTER melakukan aktiviti berbentuk permainan dan seni seperti mewarna, menghias kad hari raya, stamping arts dan pelbagai lagi. Aktiviti ini turut dimeriahkan dengan kehadiran ibu bapa anak-anak SMARTER, siswazah serta para pensyarah UNISSA.

## JALINAN PROGRAM ILMIAH DENGAN UNIVERSITI FATONI



Gambar rombongan pelajar Universiti Fatoni bersama Yang Mulia Timbalan Rektor UNISSA

Seramai sepuluh (10) orang pelajar daripada Universiti Fatoni, Thailand telah mengikuti *Arabic-English Intensive Course* di UNISSA di bawah kendalian Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), yang berjalan selama dua (2) bulan, bermula 18 Jamadilawal hingga 20 Rejab 1436H bersamaan 9 Mac hingga 9 Mei 2015M di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Jalinan usaha ini adalah susulan daripada termeterainya Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dan Universiti Fatoni. Dalam usaha menaikkan reputasi UNISSA sebagai sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa di arena global, UNISSA terus berusaha memperluas rangkaian dan hubungan kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara bagi menarik lebih ramai pelajar-pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di UNISSA.

## PROGRAM HIJRAH MAHABBAH LILLAH

Kumpulan Al-Qudwah yang ditubuhkan di bawah seliaan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dan dianggotai oleh seramai 32 orang mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengendalikan Program Perkhemahan Belia Hijrah Mahabbah Lillah. Program yang merupakan anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini diadakan pada 23 hingga 26 Ramadhan 1436H bersamaan 10 hingga 13 Julai 2015M iaitu selama 4 hari 3 malam pada 10 malam terakhir di bulan Ramadhan. Seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada belia muslimah dalam lingkungan umur 15 hingga 21 tahun telah menyertai program ini. Program yang bertemakan ‘Perjalanan Hijrahku Menuju RedhaMu’ ini diisi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan selari dengan objektif program iaitu untuk mentarbiyah belia mengikut manhaj agar dapat mencetuskan perubahan atau pemberaan di dalam tingkah laku kepada yang lebih baik dan direhdai oleh Allah, di samping memberi pendekatan yang berkaitan dengan kepimpinan dan tanggungjawab seorang muslim. Pelbagai aktiviti seperti Ceramah, Tazkirah, Qiyamullail, Kuliah Subuh, aktiviti ‘Team Building’, aktiviti Kesedaran Diri dan Fardhu Kifayah telah diungkayahkan untuk memenuhi perjalanan program berkenaan.




Peserta program dalam sesi aktiviti Kesedaran Diri



Para peserta yang mengikuti Program Hijrah Mahabbah Lillah



Aktiviti ‘Team Building’



## WALKATHON AMAL

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa telah mengadakan Walkathon Amal UNISSA 2015 pada hari Jumaat, 22 Jamadilawal 1436H bersamaan 13 Mac 2015M. Majlis ini diselajurkan dengan Majlis Pembukaan Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2015M. Aturcara dimulakan dengan menunaikan Solat Subuh berjemaah di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kg Tungku dan Tazkirah Subuh bertajuk ‘Riadah & Sedekah’ yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Arif Fakhrullah bin A. Ramlee, Mahasiswa Tahun 3 Fakulti Usuluddin (Tafsir & Hadith). Acara Walkathon bermula dari Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, menuju ke Taman Agro Teknologi, yang turut disertai oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang juga selaku Tetamu Kehormat dan warga UNISSA yang terdiri daripada para pegawai utama, pensyarah, kakitangan dan juga para pelajar.

Sejumlah BND3,935.51 telah berjaya dikutip dan daripada jumlah tersebut sebanyak 25 peratus dimasukkan ke dalam tabung Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan 25 peratus lagi untuk tabung Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Penyerahan hasil kutipan amal UNISSA bagi Mangsa Banjir di Negara Pantai Timur Malaysia disampaikan oleh Yang Mulia Muhammad Afeef Bin Haji Mashor, Exco Unit Kerjaya & Keusahawanan 2014 kepada Yang Mulia Rektor UNISSA. Kutipan amal ini diungkayahkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA melalui kutipan derma ‘Kad Kutipan Tabarru’ UNISSA 2015’ daripada warga UNISSA dan jualan amal yang diselenggarakan oleh para pelajar di kampus UNISSA.



Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA menyertai walkathon yang bermula dari Masjid Pengiran Muda Abdul Malik dan berakhir di Taman Agro Teknologi



Tetamu Kehormat, Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA menerima penyerahan hasil kutipan Walkathon Amal 2015

## KARNIVAL AMAL 2015



Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA menyampaikan cek replika kepada wakil dari Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Bagi Anak-Anak Yatim

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) menganjurkan Karnival Amal bagi Kutipan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim. Karnival berlangsung di Airport Mall Berakas, mulai 11 hingga 14 Safar 1436H bersamaan 4 hingga 7 Disember 2014M. Majlis Pelancarannya dirasmikan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Yang Mulia Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Sepanjang karnival tersebut, pelbagai aktiviti dan pertandingan telah diadakan bagi menarik pengunjung untuk membeli sambil menderma, antaranya Pertandingan Hafazan Surah Lazim, Pertandingan Tausyeh Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi, Pertandingan Mari Bercerita, Peraduan Tulisan Jawi, Peraduan Mewarna, Peraduan Melukis, Peraduan Fotografi dan Peraduan Membaca Jawi.

Sebanyak 50 peratus hasil yang diperolehi daripada Karnival Amal ini telah diberikan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim dan 50 peratus lagi disumbangkan kepada PPIB bagi tujuan menjana aktiviti pelajar yang berbentuk akademik dan bukan akademik.

Majlis penyerahan Kutipan Karnival Amal telah berlangsung pada 30 Rabiulawal 1436H bersamaan 21 Januari 2015M, yang dihadiri oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA yang seterusnya berkesudian menyerahkan kutipan derma amal serta penyampaian hadiah dan sijil kepada penyumbang serta pemenang pertandingan Karnival Amal.



Salah satu booth dalam Karnival Amal

## PROGRAM ZIARAH MAHABBAH



Mahasiswa UNISSA membaiki rumah keluarga yang memerlukan bantuan



Mahasiswa UNISSA membersihkan rumah keluarga yang memerlukan bantuan

Program Ziarah Mahabbah Kampung Kuala Tutong Daerah Tutong 2015 merupakan anjuran Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersempena kedatangan bulan Ramadhan 1436H. Program ini diadakan untuk mendekati dan membantu masyarakat luar bandar yang memerlukan bantuan, di samping mengumpul pengalaman serta pengetahuan melalui aktiviti yang dijalankan di dalamnya. Dalam pada itu program ini sebagai *platform* untuk kerja amal dan juga da'wah kepada warga Islam.

Program yang bertemakan '*Melahirkan Belia Muslim Berjiwa Masyarakat*' ini dijalankan pada hari Isnin, 28 Sya'ban 1436H bersamaan 15 Jun 2015M dengan mensasarkan kepada 10 buah rumah penduduk miskin di Kampung Kuala Tutong, Daerah Tutong sebagai lokasi yang dipilih untuk menjayakan Program Ziarah Mahabbah ini.

Seramai 35 orang mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Pensyarah dan kakitangan UNISSA, juga beberapa orang penduduk kampong berkenaan turut serta sebagai sukarelawan untuk sama-sama menjayakan program yang berkebajikan ini.

Objektif Program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi tentang realiti kehidupan penduduk luar bandar yang memerlukan sokongan dan bantuan; membentuk, menjalin, dan mengeratkan lagi ukhuwwah dan silaturrahim antara UNISSA dengan masyarakat luar; dan meringankan beban yang ditanggung oleh golongan sasaran untuk persiapan menyambut bulan Ramadhan.

Tumpuan program ialah melakukan kerja-kerja membersihkan rumah-rumah terbabit sepanjang sehari program dijalankan. Pada malamnya pula diadakan Majlis Penyerahan Bantuan Saguhati kepada 10 buah keluarga terbabit yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr Haji Norarfian bin Haji Zainal, Rektor UNISSA selaku Tetamu Kehormat majlis tersebut.


Idea mengadakan program ini lahir daripada keprihatinan mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan dengan keperitan dan kesukaran hidup yang ditanggung oleh golongan miskin setiap kali datangnya bulan Ramadhan. Ia juga sebagai dukungan kepada usaha pihak Kerajaan, di mana tanggungjawab membantu meringankan beban golongan ini tidak hanya dipikul oleh

pihak Kerajaan sahaja tetapi juga menjadi tanggungjawab masyarakat sekeliling.

Sesungguhnya dunia mahasiswa dan mahasiswi perlu melangkui lingkungan kampus untuk mengembangluaskan pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan isu sosial dan perekonomian. Program ini antara langkah yang praktikal untuk memahami isu ekonomi global yang sebahagian besarnya melanda umat Islam hari ini.



Pelajar UNISSA berada di salah sebuah rumah keluarga yang memerlukan bantuan



## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN PENEMPATAN PELAJAR UNISSA

Seramai 10 orang pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengikuti Program Khidmat Masyarakat dan Penempatan di Pesantren-Pesantren, Wilayah Cianjur, Jawa Barat, Indonesia selama 15 hari, mulai 21 Safar hingga 6 Rabiuulawal 1436H bersamaan 14 hingga 28 Disember 2014M. Turut serta mengiringi rombongan pelajar ini ialah Yang Mulia Dr Azme bin Haji Matali.

Objektif program ini diadakan antaranya ialah untuk memberi kesedaran diri (fizikal & spiritual) serta melatih pelajar dengan kaedah pendidikan warisan Salafussoleh sebagai kaedah pentarbiahan yang berkesan untuk melahirkan generasi unggul; serta meningkatkan rangkaian kerjasama antara dua buah negara melalui perkongsian pengalaman yang berbeza sama ada dari sudut demografi, pendidikan, ekonomi dan sosial.

Sepanjang program ini berjalan, pelajar UNISSA ditempatkan di beberapa buah pesantren iaitu Pesantren Al-Mubarokah, Pesantren Miftahul Huda Al-Musri' dan Pesantren Al-Musri'. Pelbagai aktiviti telah dilakukan oleh pelajar UNISSA sama ada aktiviti yang berbentuk akademik, kerohanian, kemasyarakatan dan riadah sesuai dengan keperluan Pesantren.

### AKTIVITI AKADEMIK

Pelajar UNISSA terlibat mengajar Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Ilmu Perbankan Islam kepada santri-santri (pelajar) pesantren yang mana mendapat sambutan yang sangat mengalakkkan daripada pelajar pesantren. Pelajar pesantren turut didedahkan mengenai Negara Brunei Darussalam, dari sudut budaya dan adat resam masyarakat Brunei, alat-alat permainan tradisi, dan juga jenis-jenis kueh ringan makanan masyarakat Brunei yang turut dinikmati oleh warga pesantren.

### KHIDMAT MASYARAKAT

Susulan daripada tazkirah tentang kebersihan, para pelajar UNISSA mempraktikkannya dengan mengetua kempen kebersihan di persekitaran pesantren dan turut dibantu oleh para pelajar Pesantren sendiri. Pelajar UNISSA bukan sahaja telah memberi tunjuk ajar secara praktikal tentang cara berwudhu yang betul kepada pelajar lelaki juga perempuan yang lingkungan umur 4 tahun, bahkan turun padang dengan aktiviti bergotong-royong membuat titian dengan menggunakan buluh yang dilakukan bersama warga pesantren bagi kemudahan warga berkenaan.

### AKTIVITI KEROHANIAN

Pelajar UNISSA juga perlu tampil dihadapan pelajar pesantren untuk memberikan tazkirah berkaitan dengan isu-isu yang bersesuaian.

### AKTIVITI RIADAH

Para pelajar UNISSA menjalinkan lagi ukhuwwah dengan pelajar Pesantren melalui aktiviti Riadah yang dilakukan setiap petang.



Bergambar ramai setelah selesai sesi pengajian Bahasa Inggeris



Tazkirah menjaga kebersihan yang disampaikan oleh Awang Al-Hadi Bin Zainal Abidin



Mahasiswa UNISSA bergotong-royong membuat titian bagi kemudahan laluan warga pesantren Miftahul Huda Al-Musri'



Bergambar ramai selepas Bengkel Bahasa Inggeris yang disampaikan oleh mahasiswa dan mahasiswi di Pesantren Al-Musri'

## PROGRAM MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN AKAR-UMBI: **KES KOMUNITI BAN NUA, SONGKHLA UTARA HAT YAI THAILAND** **'EMPOWERING COMMUNITY FOR DEVELOPMENT'**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berkerjasama dengan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menganjurkan Program 'Memperkasakan Pembangunan Akar-Umbi: Kes Komuniti Ban Nua, Songkhla Utara Hat Yai Thailand'. Program ini berjalan selama lima (5) hari mulai 27 Muhamarram hingga 1 Safar 1436H bersamaan 20 hingga 24 November 2014M. Beberapa aktiviti dijalankan sepanjang program ini berlangsung antaranya aktiviti melakukan kerja amal (khidmat masyarakat), aktiviti keagamaan, riadah dan diteruskan dengan penyerahan sumbangan daripada warga UNISSA yang berbentuk buku untuk diwaqafkan kepada Masjid Ban Nua, Songkhla Utara Hat Yai, Thailand.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menjana kepelbagaiannya pengalaman dan pengetahuan yang baru dalam pengurusan aktiviti, pentadbiran dan penyelidikan di samping sebagai pendedahan kepada peserta UNISSA tentang kerja secara berpasukan dan saling berkerjasama dalam menjayakan sesuatu program.

Melalui program ini, peserta telah meninjau serta memerhati mengenai perkara yang berkaitan dengan khidmat masyarakat dan beberapa bentuk penyelidikan yang boleh dibuat kajian oleh para pensyarah dan para pelajar lepasan ijazah di masa akan datang. Para peserta turut meninjau di sekitar kediaman penduduk Ban Nua, seperti kawasan masjid dan sekolah-sekolah (tempat anak-anak penduduk menjalankan aktiviti pembelajaran mereka).

Seramai empat (4) orang pensyarah UNISSA telah ikut serta dalam program ini, yang terdiri daripada Pg Dr Haji Saiful Bahrin bin

Pg Haji Kula selaku Ketua Rombongan, Muhd Sahrin bin Haji Masri, Hajah Rafizah binti Abdullah dan Hajah Nurul Halimatul Wara' bin Haji Mumin, bergabung dengan para rombongan daripada USM.




Ketua rombongan UNISSA, Pengarah dan Timbalan Pengarah ISDEV dan Imam Masjid Ban Nua Thailand



Rombongan UNISSA yang mengikuti Program Memperkasakan Pembangunan Akar-Umbi:  
Kes Komuniti Ban Nua, Songkhla Utara Hat Yai Thailand



Para peserta Program Memperkasakan Pembangunan Akar-Umbi:  
Kes Komuniti Ban Nua, Songkhla Utara Hat Yai Thailand



## SPEAKING SKILLS FOR JOB INTERVIEWS

Jawatankuasa Ad-hoc Alumni UNISSA berinisiatif menganjurkan *Speaking Skills for Job Interviews* pada 26 Safar 1436H bersamaan 19 Disember 2014M, yang bertujuan untuk membantu graduan lepasan UNISSA dengan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk menghadapi temuduga kerja dan berkomunikasi dengan orang awam. Emily French yang diundang sebagai fasilitator merupakan seorang jurnalis antarabangsa daripada Australia yang memiliki Master of Islamic Studies daripada University of Melbourne, Australia. Mempunyai pengalaman yang cukup luas di dalam bidang kewartawan dan pernah bertugas lebih daripada 10 syarikat termasuk di Australia dan United Arab Emirates. Objektif program ini diadakan antaranya ialah untuk memberikan peluang kepada para alumni untuk menambah kemahiran bagi meningkatkan lagi marketabiliti masing-masing dan mengumpulkan para lepasan UNISSA untuk diserapkan ke dalam Persatuan Alumni UNISSA.

## ALUMNI UNISSA PENERUS LE-



Ahli Jawatankuasa Ad-hoc Alumni UNISSA bergambar ramai bersama fasilitator jemputan, Emily French dan peserta-peserta bengkel ‘Speaking Skills for Job Interviews’

## PROGRAM MUHASABAH DIRI

Program Muhasabah Diri adalah anjuran Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni UNISSA dengan kerjasama Kelab Jalinan Akrab Belia Terunggul (JABA'T) Pusat Belia yang diadakan selama dua (2) hari, mulai 4 hingga 5 Rabiulawal 1436H bersamaan 27 hingga 28 Disember 2014M di Auditorium, UNISSA. Objektif mengadakan program ini antaranya memasyarakatkan suasana

IPT kepada golongan belia remaja; dan menguatkan asas keyakinan serta sistem nilai dalam diri; menunjukkan hala tuju masa depan yang jelas lagi tepat; dan mencetuskan kesedaran serta keinsafan untuk memperbaiki diri. Program Muhasabah Diri merupakan sebuah program motivasi Islamik yang disasarkan kepada golongan remaja dan belia berumur di antara 15 hingga 20 tahun. Seramai 66 orang peserta telah mengikuti program berkenaan yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dan pra universiti.



Hadir selaku Tetamu Kehormat dalam Majlis Perasmian Program Muhasabah Diri ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfhan bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, (UNISSA) dan Majlis Penutup dihadiri oleh Ketua Pusat Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Yang Mulia Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, yang telah menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta program.



Pengisian sepanjang program ini berlangsung ialah lawatan ke kampus, Celik Mata Hati, Tenang Hati dan Minda, Kesedaran untuk Berubah serta *Thought Collective* yang difasilitorkan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Yang Mulia Awang Farizal Ali dan Pegawai Penyelidik Ugama, Yang Mulia Dayang Aisyah Humairah binti Haji Bakar.

Atas: Para peserta Program Muhasabah Diri bergambar ramai dengan Tetamu Kehormat

Bawah: Para peserta yang mengikuti Program Muhasabah Diri

## PERTANDINGAN PIDATO INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) SENEGERA PIALA REKTOR UNISSA

Jawatankuasa Ad-hoc Alumni UNISSA telah mengungkayahkan Pertandingan Pidato IPT Senegara Piala Rektor UNISSA pada 19 Rabiulawal 1436H bersamaan 10 Januari 2015M bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas. Pertandingan ini diadakan bagi memeriahkan lagi Karnival Belia Cinta Rasul sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bagi tahun 1436H/2015M. Objektif mengadakan pertandingan seumpama ini antaranya ialah untuk memeriahkan sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan memberikan peluang kepada golongan intelektual untuk mengongsikan pendapat melalui hujah-hujah di dalam penyampaian pidato. Seramai enam (6) orang peserta mewakili institusi masing-masing telah menyertai pertandingan ini yang membawa tema ‘Mencintai Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*’, di mana setiap peserta dikehendaki mengikuti bengkel pidato sehari sebelum pertandingan. Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli wakil peserta dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) muncul sebagai Johan, sementara Naib Johan disandang oleh Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin wakil peserta dari UNISSA dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Danial bin Ramadan wakil peserta dari Institut Teknologi Brunei (ITB). Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfani bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.



Yang Mulia Rektor UNISSA, Dr Hj Norarfani bin Haji Zainal menyampaikan piala kepada johan pertandingan

### BENGKEL KEUSAHAWANAN


Jawatankuasa Ad-Hoc ALUMNI UNISSA, Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya UNISSA mengambil inisiatif mengadakan Bengkel Keusahawanan selama empat (4) hari, mulai 7 hingga 10 Sya'ban 1436H bersamaan 25 hingga 28 Mei 2015M yang bertempat di Bilik Persidangan Sekolah Perdagangan Brunei. Seramai 16 orang peserta yang merupakan lepasan UNISSA telah mengikuti bengkel yang dikendalikan oleh LiveWIRE Brunei, atas nama program 'Become A Successful Owner Manager'. Tema bagi bengkel ini ialah 'Usahawan Berteraskan Syara'.



Para Peserta bengkel tekun menyiapkan tugasannya



Para peserta UNISSA yang mengikuti bengkel keusahawanan



# KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

1



2



1

PENTADBIRAN

2

BILIK-BILIK KULIAH &  
BILIK-BILIK PENSYARAH

3

KOLEJ KEDIAMAN

4

PUSAT PENYELIDIKAN  
MAZHAB SHAIFI' &  
ALUMNI

5

PUSAT PENGAJIAN  
LEPAS IJAZAH

6

AUDITORIUM

7

DEWAN JUBLI

8

TUCKSHOP

9

HAL EHWAL PELAJAR &  
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

10

GYMNASIUM

11



SURAU

12

KAFETERIA

3





## DALAM KENANGAN

Tahun 2015, UNISSA telah kehilangan dua (2) orang pensyarah yang sangat berdedikasi lagi banyak menyumbang untuk pembangunan UNISSA khususnya dari sudut pengajaran dan pembelajaran. Sesungguhnya segala sesuatu itu telahpun menjadi ketentuan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sama-sama kita mendoakan semoga roh Allahyarham Ustaz Wan Habib bin Wan Ibrahim dan Allahyarham Dr Haji Sulaiman bin Haji Ibrahim El-Barruiyah dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan para solehin.



### ALLAHYARHAM USTAZ WAN HABIB BIN WAN IBRAHIM

Allahyarham Ustaz Wan Habib bin Wan Ibrahim adalah pensyarah Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, yang juga merupakan penulis asal *Mushaf Al-Qur'an Al-Karim* Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), memiliki keperibadian mulia dan sentiasa bersedia memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan pertolongan. Allahyarham telah kembali ke rahmatullah pada hari Ahad, 18 Rabiulakhir 1436H bersamaan 8 Februari 2015M dan sempurna disemadikan pada keesokan harinya.



### ALLAHYARHAM DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM EL-BARRUIHY

Allahyarham Dr Haji Sulaiman bin Haji Ibrahim El-Barruiyah telah berkhidmat di Universiti Islam Sultan Sharif Ali semenjak tahun 2009 sebagai Pensyarah Kanan Fakulti Usuluddin. Allahyarham adalah seorang yang lembut tutur katanya lagi tinggi budi pekertinya, sifat yang terbit daripada ilmu yang dimiliki. Seorang yang diketahui mempunyai kepakaran dalam bidang tasawuf dan da'wah. Allahyarham telah kembali ke rahmatullah pada hari Isnin, 15 Rejab 1436H bersamaan 4 Mei 2015M dan dibawa pulang ke negara asal untuk disemadikan.

"Dari Allah kita datang, kepada Allah  
*Subhanahu wa Ta'ala* juga kita kembali."

إِنَّا لِهُ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِحُونَ

## **AHLI JAWATANKUASA BUKU RISTAAN**

### **PENGERUSI**

**Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim**

### **SETIAUSAHA**

**Ustazah Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Abd Rajid**

### **AHLI-AHLI**

**Dayang Nur Atiqah binti Suimi (14MC307)**

**Dayang Nurul Amalina binti Zulkiflee (14MC210)**

**Dayang Siti Nurhida binti Abdul Latip (15MR401)**



**جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية**

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu

Gadong, BE1310

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam

Website: <http://www.unissa.edu.bn> E-Mail: [Info@unissa.edu.bn](mailto:Info@unissa.edu.bn)